

**Bil. 17**

**Khamis  
17 Ogos 1995**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Ruangan 19)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995	(Ruangan 19)
<b>USUL:</b> Penangguhan Mesyuarat	(Ruangan 60)
<b>UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:</b> (i) Kempen Inflasi Sifar - <i>Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)</i>	(Ruangan 60)
(ii) Memberhentikan Pengiraan Kadar Faedah Pinjaman Kereta oleh Bank-bank dan Syarikat Kewangan - <i>Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)</i>	(Ruangan 64)

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.1., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

" Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Bruas).

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

" Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

" Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

" Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

" Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

- " Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- " Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- " Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- " Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD,  
J.B.S. (Mukah).

- " Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK, (Nibong Tebal).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR, (Tebrau).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, (Besut).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG, (Padawan).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kewangan, DR. SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, (Bandar Tun Razak).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- " TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- " TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- " TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, s.s.m. (Jasin).
- " TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- " TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- " TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).
- " DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- " DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- " DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- " TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- " TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- " TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- " TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- " DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- " PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- " TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- " DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- " TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- " TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- " TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- " TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- " TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- " TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- " DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- " PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- " TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- " TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- " TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- " DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).

Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).

- " TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- " TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- " TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- " DATO' HON CHOON KIM (Seremban).
- " TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- " TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- " TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- " DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS (Rompin).
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- " TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " DR. L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- " TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- " DR. G. LEELAVATHI (Kapar).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- " TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- " TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- " TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- " TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).



Yang Berhormat DR. MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI (Bandau).

- " TUAN MD ISA BIN SABU (Kangar).
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- " TUAN HAJI NIK MOHD AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- " TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- " TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- " DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- " DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- " TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- " DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- " TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- " TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- " DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- " DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- " PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sé pang).
- " DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- " DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- " PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).

Yang Berhormat DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).

- " DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- " DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- " TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- " DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- " DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- " TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- " TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- " WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- " TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- " DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- " TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- " DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- " DR. YAP YIT THONG (Lumut).
- " DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- " TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- " TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- " TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- " DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- " TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- " TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- " DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

**DEWAN RAKYAT**

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha* : Said bin Sidik.
- Pmk. Ketua Penolong Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan* : Zamani bin Haji Sulaiman.

## CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan* : Azhari bin Hamzah.
- Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen* : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
Haji Suhor bin Husin
- Pelapor Perbahasan Parlimen* : Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.  
Hajah Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Haji Hassan.  
Hajah Kalsom binti Ghazali.  
Mohamed bin Osman.  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.  
Zaharah binti Naim.  
Norwahidah binti Azizi.  
Rozita binti Abd. Samad.  
Jainah binti Sakimin.  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

## CAWANGAN BENTARA

- Bentara mesyuarat* : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**Khamis, 17hb Ogos 1995**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul  
2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**KUMPULAN AL-ARQAM—  
PERKEMBANGAN KEGIATAN  
SELEPAS PENGAKUAN  
BERTAUBAT**

**1. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah bekas-bekas kumpulan Al-Arqam telah benar-benar balik ke pangkal jalan atau masih bergerak aktif dengan rancangan-rancangan mereka dan masih mengamalkan Aurat Muhammadiyah secara keseluruhan di tempat-tempat yang tertentu; dan
- (b) adakah kerajaan atau pihak polis mengikuti perkembangan kumpulan ini agar segala pengakuan dan taubat kumpulan ini tidak menjadi sebagai alasan untuk menipu kerajaan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Bekas Kumpulan Al-Arqam secara umumnya telah kembali ke pangkal jalan. Mereka tidak lagi mengamalkan Aurat Muhammadiyah. Mereka sedang menyesuaikan diri dengan kehidupan biasa.

(b) Kerajaan sentiasa memastikan kegiatan kumpulan ini tidak lagi berkembang dan kembali ke pangkal jalan sepenuhnya.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau sudah Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa soal Arqam ini telah selesai, dapatkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sedikit sebanyak perkara yang baru timbul pula, iaitu perkara Jemaah Ahlil Quran yang ditimbulkan oleh Saudara Kassim Ahmad?

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena. Memang benar akhir ini timbul kembali soal yang besar yang telah timbul beberapa kali dalam sejarah umat Islam berulang-ulang kali iaitu kumpulan yang menolak hadis (antihadis). Apa yang menjadi persoalannya ialah penolakan hadis yang telah diterima di dalam syariat Islam iaitu sebagai sumber syariah dan sumber hukum. Penolakan hadis sebagai syariah adalah salah dalam Islam—kalau ditolak institusi hadis. Tetapi sekiranya seseorang Islam tidak menerima satu-satu hadis tertentu, maka amalan itu tidaklah dianggap terkeluar daripada syariat Islam.

Kumpulan yang tidak percayakan hadis ini mereka menggunakan

al-Quran sebagai menolak hadis. Perkara ini telah timbul dalam masyarakat Islam dalam kurun yang kedua Hijrah oleh kumpulan serpihan masyarakat Islam, iaitu mereka menolak sama sekali institusi hadis dan institusi Muhammad Rasulullah sebagai Rasul S.A.W. Penggunaan kaedah ini mereka tegaskan bahawa sekiranya hadis bercanggah dengan al-Quran, maka hadis itu ditolak.

Sukalah saya terangkan kepada umat Islam dan kepada masyarakat Malaysia amnya bahawa hadis tidak pernah bercanggah dengan al-Quran kerana Rasulullah S.A.W. tugasnya menyebarkan syariat Islam. Wahyu yang diterimanya sebagai al-Quran perlulah baginda menerangkan kepada umatnya. Dalam usaha menerangkan kepada umatnya, bahawa Rasulullah mestilah mengadakan tafsiran dan menyampaikan kepada umatnya apa yang diputuskan melalui cakap-cakap dan perbuatan-perbuatannya. Kadangkala bagi orang yang tidak mengerti, perbuatan dan percakapan Rasulullah seolah-olah (seemingly) bercanggah dengan al-Quran.

Maka bagi kumpulan orang yang tidak berilmu inilah yang menjadi masalah kepada mereka. Pada zahirnya cakap atau perbuatan Rasulullah atau hadis itu nampak bercanggah dengan al-Quran, maka mereka tolak. Perkara ini amat merbahaya kepada syariat Islam dan telah dihidupkan dengan hebatnya oleh orang-orang barat yang mengkaji dan belajar tentang Islam mengenai unsur-unsur percanggahan ini supaya dia sentiasa hidup dalam umat Islam, maka dengan itu umat Islam akan sentiasa ber-

pecah. Maka, kerajaan sentiasa memerhati dan mencari jalan untuk mengatasi hal ini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada pihak kerajaan mengesyaki bahawa perkara-perkara percanggahan mengenai Islam dan akidah serta ajaran Islam ini disuburkan dan ditanamkan ke jiwa setengah-setengah orang Islam dengan satu kesengajaan (deliberate) motif yang sengaja untuk memecah-belahkan umat Islam secara design oleh pihak musuh-musuh Islam.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Kerajaan sentiasa mengkaji hal ini dan mendasarkan kajian ini kepada peristiwa-peristiwa dan pengalaman-pengalaman yang lepas dalam masyarakat Islam sendiri dan dalam berbagai-bagai pergerakan di seluruh dunia. Apa yang kita nampak pada hari ini, orang-orang yang suka mengemukakan perkara-perkara yang serupa ini kebanyakannya ialah orang-orang yang tidak mempunyai asas di dalam pengetahuan agama, tetapi mengasaskan pembacaan mereka oleh buku-buku yang dikarang oleh orientalis yakni orang barat yang mengkaji tentang tentang Islam.

Kita tidak dapat mengelakkan tetapi mengesyaki bahawa unsur-unsur yang serupa ini ialah pertamanya untuk melekakan umat Islam daripada berfikir tentang perkara yang lebih besar tentang kemajuannya di dunia ini dan kita tidak dapat menolak kemungkinan bahawa ini juga untuk memecah-belahkan umat Islam dalam negara kita.

**INSTITUSI PENDIDIKAN/  
LATIHAN - GUNATENAGA  
PENUH DAN KESEIMBANGAN  
KEMAJUAN WILAYAH**

2. Tuan Zainal Abidin bin Haji Osman minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah jenis dan berapa bilangan institusi pendidikan dan latihan yang akan diwujudkan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan bagaimanakah penyelarasan dilakukan berhubung dengan kualiti latihan yang diberi untuk memastikan matlamat pembangunan tenaga manusia bagi abad ke-21 tercapai; dan
- (b) sama ada Kementerian mempunyai cadangan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk mewujudkan maktab perguruan/politeknik di Mersing sebagai usaha mengseimbangkan kemajuan wilayah.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga masa ini Kementerian Pendidikan dan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri sedang menstabilkan senarai institusi dan projek-projek yang akan dimasukkan dalam pembangunan lima tahun bagi Rancangan Malaysia Ketujuh.

Usaha penyelarasan sentiasa dilakukan untuk memastikan kualiti latihan dapat dipertingkatkan bagi mencapai matlamat pembangunan tenaga manusia bagi abad ke-21. Kementerian Pendidikan terlibat dalam kerjasama perancangan dengan agensi-agensi lain di dalam kerajaan.

Di antara penyelarasan yang dibuat ialah melalui kumpulan perancang antara agensi ataupun inter-agency planning group dan kumpulan kerja teknikal antara agensi. Kedua-dua bentuk penyelarasan yang disebutkan ini melibatkan kementerian, jabatan dan perbadanan awam yang secara langsung terlibat dalam perancangan pembangunan negara.

Buat masa ini, belum ada cadangan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk mewujudkan maktab perguruan atau politeknik di Mersing. Di samping perkiraan keseimbangan kemajuan wilayah-wilayah, lokasi projek juga ditentukan oleh kesesuaiannya dari segi kemudahan pelajar mengikuti latihan amali dalam industri dan institusi-institusi yang terdapat di sekitar politeknik atau maktab yang hendak dibina itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik kepada usaha pihak kementerian untuk memastikan kualiti latihan. Adakah universiti perguruan yang telah pun dibangkitkan oleh beberapa pihak termasuk pihak kami dimasukkan di dalam senarai yang disebutkan tadi?

Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua, memandangkan pengumuman daripada Menteri Pendidikan mengenai hasrat pihak kementeriannya untuk memendekkan kursus sesuatu ijazah daripada 4 tahun kepada 3 tahun dan juga mengambil lebih ramai pelajar jurusan sains untuk menampung keperluan masa akan datang. Adakah dengan berbuat demikian pihak kementeriannya mencari jalan supaya kualiti tidak terjejas kerana kalau kita mempercepatkan sesuatu mata pelajaran atau kursus, kecuali perubahan, mungkin akan terjejasnya kualiti?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, pendekatan yang kita buat dalam apa jua aktiviti ataupun kerja dalam kementerian ini adalah berasaskan kepada apa yang kita panggil, dengan izin, total quality management, ataupun pengurusan berkualiti sepenuhnya dan pada hemat kementerian kita telah meneliti dengan cermat sebelum kita membuat keputusan untuk hendak memendekkan tempoh kursus yang diikuti oleh mahasiswa-mahasiswi daripada 4 tahun kepada 3 tahun. Mengikut penelitian yang kita buat, tidak ada sebab yang boleh menjejaskan kualiti pendidikan yang akan disalurkan kepada mahasiswa dan mahasiswi apabila tempoh kursus dipendekkan daripada 4 tahun ke 3 tahun dan dalam apa juga usaha, seperti apa yang saya katakan tadi, soal kualiti itu memang kita berikan penekanan pada keseluruhannya.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pendidikan bercadang semasa Rancangan Malaysia Ketujuh untuk memperbanyakkan bilangan pengambilan guru-guru di Pusat Latihan Perguruan, Kent College, Tuaran?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang sentiasa berusaha untuk menokok tambah bilangan guru-guru ini kerana kita kekurangan guru-guru. Malahan seperti yang pernah saya sebut di dalam Dewan yang mulia ini, kita pernah membuat pengambilan dua kali setahun untuk menampung keperluan tenaga perguruan di negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Jimmy Donald.

*(Soalan No. 3—Y.B. Tuan Jimmy Donald tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Henrynus Amin.

*(Soalan No. 4—Y.B. Tuan Henrynus Amin tidak hadir)*

### **SISTEM LAYAN DIRI DI STESEN MINYAK — PELAKSANAAN**

**5. Puan Aionon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan memandangkan menjelang bulan Jun tahun hadapan ke semua 2,700 stesen minyak akan mengenalkan khidmat layan diri memandangkan kekurangan pekerja stesen minyak, adakah beliau akan mengarah pengusahapengusaha stesen minyak ini supaya mengadakan kemudahan-kemudahan yang mencukupi untuk membantu pemandu-pemandu memudah proses mengisi minyak sendiri supaya tidak ada kesesakan atau kelewatan proses layan diri di semua stesyen minyak ini dan tunjuk ajar mengenai kaedah cara mengisi minyak yang betul dan selamat.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini syarikat-syarikat minyak sedang menyediakan cadangan mengenai pelaksanaan khidmat layan diri di stesen-stesen minyak untuk pertimbangan kerajaan. Aspek-aspek penting yang perlu diberi perhatian termasuklah perkara-perkara berkaitan dengan keselamatan dan disiplin pengguna di samping mengenai penggunaan alat-alat di stesen-stesen minyak. Saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa satu program kesedaran perlu di-

sediakan kepada orang ramai sebelum sistem layan diri di stesen-stesen minyak dilaksanakan. Kementerian dengan kerjasama syarikat-syarikat minyak akan melaksanakannya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bilangan pekerja asing yang sedang berkhidmat di dalam lebih hampir 3,000 stesen minyak ini dan apakah tempoh yang ditetapkan supaya perkhidmatan layan diri ini dapat dilaksanakan dengan betul, sebab saya percaya perkhidmatan ini akan berjaya kerana saya tidak khuatir bahawa rakyat Malaysia boleh menggunakan sistem seperti ini, seperti mana yang dilakukan di negara-negara yang lain?

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi bilangan pekerja-pekerja asing di stesen-stesen minyak, pihak kerajaan tidak ada angka-angka berkaitan dengan pekerja-pekerja yang berkenaan kerana ini adalah dibuat oleh stesen-stesen minyak sendiri. Dari segi tempoh pelaksanaan sistem layan diri ini, pada masa ini dicadangkan supaya peringkat pertama akan dapat dimulakan pada pertengahan tahun hadapan yakni bagi kawasan-kawasan yang tertentu seperti di Lembah Kelang, Pulau Pinang dan juga di sepanjang kawasan Lebuhraya Utara - Selatan. Peringkat kedua dan seterusnya akan ditimbang kemudian berdasarkan kepada kejayaan pelaksanaan di peringkat pertama.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi kita sudah dengar Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa kemungkinan program latihan ini akan diadakan di antara kementerian dengan pihak syarikat-syarikat minyak tetapi sekiranya perkara ini dipersetujui,

adakah cadangan pihak kementerian juga untuk bekerjasama dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan supaya salah satu daripada kurikulum sekolah memandu yang dibuat di JPJ juga dimasukkan salah satu dari modul latihan ini supaya bakal-bakal pemandu akan lebih cekap dan tahu untuk mengambil tindakan yang sesuai apabila sampai ke stesen minyak.

Kerana setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, soal pemeriksaan enjin dan sebagainya dan cara-cara mengisi minyak pun tidak diajar dalam kurikulum sekolah memandu.

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengucapkan terima kasih di atas cadangan Ahli Yang Berhormat dari Jelebu dan kementerian akan membincangkan perkara ini dengan Kementerian Pengangkutan, Ketua Jabatan Pengangkutan Jalan mengenai memasukkan aspek-aspek berkaitan dengan layan diri kepada pemandu-pemandu ataupun bakal-bakal pemandu.

#### AIDS—TINDAKAN MENCEGAH

6. **Tuan Chang See Ten** minta Menteri Kesihatan menyatakan apa tindakan yang lebih berkesan yang akan diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mencegah atau mengurangkan kes AIDS yang semakin meningkat di negara kita. Di samping itu:

- (a) nyatakan jumlah kes AIDS sejak awal tahun 1995 hingga sekarang; dan
- (b) Sebutkan latar belakang pesakit-pesakit dari segi jantina dan pekerjaan.



**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, di antara tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mencegah atau mengurangkan kes AIDS yang semakin meningkat di negara kita termasuk memperluaskan aktiviti pengawasan terhadap golongan-golongan berisiko seperti penagih dadah, pekerja-pekerja seksual, pelayan-pelayan tempat-tempat hiburan, pesakit-pesakit penyakit kelamin dan sesiapa sahaja yang mengamalkan cara hidup yang berisiko di samping memperhebatkan Kempen Anti AIDS melalui media-massa dengan menggunakan pendekatan baru yang lebih efektif.

Berkaitan dengan soalan selanjutnya mengenai dengan soalan (a), jumlah kes AIDS sejak awal tahun 1995 hingga 30hb. Jun 1995 ialah seramai 56 orang.

Berkenaan dengan soalan (b), daripada jumlah 56 orang kes AIDS ini, 53 adalah lelaki dan 3 orang lagi adalah wanita. Kebanyakan daripada mereka ini adalah terdiri daripada penagih dadah yang tidak mempunyai pekerjaan tetap.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada golongan-golongan yang di mana kes-kes telah terdapat termasuk mereka yang cara hidupnya dikatakan berisiko tadi, adakah kes di mana di kalangan pendatang-pendatang tanpa izin? Jika ada, di negeri manakah itu dan apakah tindakan kementerian untuk mengawasi masalah ini?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Kebanyakan statistik yang didapati dan terkumpul tidak mem-

buat pecahan daripada kalangan pendatang-pendatang haram.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bagaimanakah kedudukan kemungkinannya penyakit ini, sama ada banyak ataupun sedikit yang berlaku di negeri-negeri yang bersempadankan dengan negara Thailand?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Sebenarnya kesimpulan yang kita dapat dari negeri-negeri telah dibuat purata untuk mendapat jumlah yang kita dapat himpulkan setiap bulan atau mendapat maklumat statistik setakat ini tetapi dari segi purata mengikut setiap negeri, tidak ada perbezaan daripada negeri-negeri yang duduk di border seperti di negeri Kelantan ataupun negeri Kedah.

#### KOPERASI — JUMLAH YANG TELAH DITUBUHKAN

7. **Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini berapa jumlah koperasi yang telah ditubuhkan, jumlah koperasi yang bermasalah dan jumlah koperasi yang dibubarkan. Sila nyatakan juga 10 koperasi yang termaju di negara ini dan kegiatan ekonomi yang dijalankan hingga membolehkan koperasi-koperasi ini mencapai kejayaan.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah koperasi yang ditubuhkan dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini iaitu dari tahun 1992 hingga Jun 1995 ialah 465 buah. Jumlah koperasi yang bermasalah dalam tempoh 3

tahun kebelakangan ini iaitu tahun 1992; 670 buah, tahun 1993; 750 buah dan tahun 1994; 422 buah. Jumlah koperasi yang dibubarkan pula dalam tempoh yang sama ialah 39 buah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, senarai 10 koperasi termaju ialah seperti berikut:

- (i) Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad. *Kegiatan:* Pinjaman kepada ahli, kedai barangan elektrik dan perumahan.
- (ii) Syarikat Bekerjasama Kenderaan dan Pengangkutan Kedah Selatan. *Kegiatan:* Perkhidmatan bas.
- (iii) Koperasi Felda Sungai Koyan 3. *Kegiatan:* Kontrak pengangkutan, kedai mini market, jualan input perniagaan dan kerja-kerja kontrak.
- (iv) Koperasi Perumahan Orang-orang Melayu Perak Berhad. *Kegiatan:* Projek perumahan sewa kedai.
- (v) Koperasi Jayadiri iaitu KOJADI Berhad. *Kegiatan:* Pelaburan saham, pinjaman pelajaran tinggi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjangkah Yang Berhormat?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Ya, ada lagi. Saya akan beri secara bertulis.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun disebut tadi, salah satu koperasi yang berjaya ialah Koperasi Felda Sungai Koyan, saya dapati

bahawa secara menyeluruh koperasi-koperasi di rancangan-rancangan Felda tidak maju. Adakah dan apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kementerian beliau untuk memastikan agar koperasi-koperasi di Felda ini dapat dimajukan dan khususnya dari segi pengurusan yang saya rasa begitu lemah?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan yang kita terima, pada keseluruhannya koperasi-koperasi di rancangan Felda berjalan dengan baik. Walau bagaimanapun, masih ada peluang untuk meningkatkan lagi prestasi dan salah satu ialah meningkatkan mutu pengurusan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Kementerian saya dan Felda akan memberi perhatian kepada cadangan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kenapakah sungguhpun kerajaan sudah ambil satu dekad, dua dekad untuk kaji Akta Koperasi tetapi sampai sekarang belum siap untuk mengemukakan satu akta yang baru? Yang ada ialah pindaan kepada Akta-akta Koperasi yang lama sungguhpun kerajaan sudah beberapa kali kata akan mengadakan satu akta yang baru dan dalam perkara ini, kenapa sampai sekarang pun pindaan-pindaan yang dikemukakan belum sempurna sehingga rang undang-undang yang dikemukakan belum siap untuk perbincangan oleh kerana mahu tambah lagi beberapa cadangan pindaan yang baru. Kenapakah mengambil masa yang begitu panjang lebar dalam perkara ini?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini soalan yang

agak lari sedikit dari soalan asal. Walau bagaimanapun, saya percaya Ahli Yang Berhormat dapat membahaskan perkara ini semasa Kementerian mengemukakan Akta Koperasi (Pindaan) tidak lama lagi.

#### GEJALA PELACURAN — PERUNTUKAN KHAS

**8. Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) memandangkan banyaknya pelacur yang berkeliaran di jalanan di sekitar ibu kota, tidakkah ia bercadang mengadakan peruntukan khas di bawah JAWI untuk mengambil tindakan terhadap gejala tersebut; dan
- (b) sebelum ini, melacur ditakrifkan sebagai berzina, tetapi ia dimansuhkan pada tahun 1974 kerana hukumannya tidak setimpal dengan kesalahan berzina di sisi Islam. Oleh itu, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula peruntukan tersebut dan mengenakan hukuman yang selaras dengan Islam.

28.8.95

**63. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Penerangan menyatakan pada masa mutakhir ini isu pelacuran dan keruntuhan moral di kalangan artis-artis tempatan menjadi-jadi. Oleh itu nyatakan:

- (a) Kod Etika berhubung dengan pakaian, moral, pergaulan dan seumpamanya di kalangan artis-artis tempatan; dan
- (b) adakah melalui penyediaan Kod Etika ini kerajaan merasakan

ianya sudah mampu untuk mengawal para artis terlibat dalam gejala yang tidak sihat.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini dan soalan yang hampir sama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood pada 28hb. Ogos.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini memang tidak terdapat undang-undang khusus di bawah Undang-undang Pentadbiran Syariah mengenai kesalahan pelacur di Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan pelacuran seperti berikut:

- (i) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor tahun 1952 sebagaimana yang diubah suai oleh Perintah (Wilayah Persekutuan) 1974.
- (ii) Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973.
- (iii) Kanun Keseksaan 1945.
- (iv) Ordinan Kesalahan Kecil 1955.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengkaji dan memperluas undang-undang yang ada dalam menangani masalah ini. Satu Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Sivil dan Syarak telah pun ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri yang diberi kuasa dan diberi tugas mengkaji dan mencadangkan peruntukan undang-undang tertentu yang selaras

dengan hukum syarak. Sehingga satu undang-undang atau peraturan baru diwujudkan, kerajaan akan terus mengambil langkah untuk membentasi gejala ini mengikut peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Persoalannya, kerana tempoh yang begitu lama, negara kita telah mencapai kemerdekaan dan peluang yang begitu panjang diberi kepada kerajaan. Adakah kerajaan telah bersedia untuk menguatkuasakan hukum Islam bagi mengatasi masalah tersebut dan bilakah Jawatankuasa ataupun pihak yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dapat menyelesaikan perkara ini, kalau boleh dapat diberi satu tempoh masa yang dapat meyakinkan kami.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, pendekatan kerajaan dalam hal ini ialah sesuatu perkara yang dibuat ialah dengan cara yang harmonis. Maka pendekatan yang diambil oleh kerajaan ialah pendekatan pendidikan. Kerajaan mendidik umat dan mendidik bangsa supaya sentiasa bersopan dan mengikut peraturan-peraturan yang ada.

Di samping itu, persediaan yang terdekat untuk ke arah itu ialah dengan menyediakan infrastruktur-infrastruktur yang sesuai untuk tujuan tersebut. Antara langkah yang besar ke arah ini, kerajaan menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa yang di dalamnya peguam-peguam yang akan datang di negara ini semuanya didedahkan dan mengambil pelajaran dalam hukum syarak yang mana mereka ini akan bekerja sebagai peguam dan pegawai undang-undang

di dalam negara. Maka pada suatu masa yang akan datang, insya-Allah, akan terhasillah cita-cita ini kerana kerajaan membuat sesuatu perkara tidak untuk mencapai tujuan politik bagi parti yang memerintah, tetapi ialah untuk negara seluruhnya.

Pendekatan yang serupa ini kita ambil dalam soal-soal muamalah ataupun soal-soal kontrak dan riba di dalam negara ini. Pada awal tahun 1960-an, kita mengajar semua rakyat dalam negara ini yang beragama Islam tentang perlunya riba itu dihapuskan dan riba itu diharamkan di dalam sebuah negara.

Pada tahun 1981, kita berjaya dengan pendidikan ini – kita menubuhkan institusi kewangan yang berlandaskan Islam. Pada tahun 1992, sudah lebih 30 bank yang kebanyakannya dipunyai oleh bukan orang Islam telah turut sama bangun dan tampil ke hadapan untuk merealisasikan kehendak ini. Pendekatan yang serupa ini akan terus dijalankan oleh kerajaan untuk mencapai cita-cita kita.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa masalah pelacuran ini timbul.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan kata "berpendapat". Yang Berhormat dikehendaki mengemukakan soalan.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, saya meminta Yang Berhormat Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang memperuntukkan hukuman terhadap klien-klien atau pelanggan-pelanggan pelacur, sebab saya rasa klien-klien pelacur sepatutnya dikenakan hukuman yang lebih berat sebab merekalah yang menyebabkan aktiviti-aktiviti maksiat ini

sedangkan pelacur hanya merupakan mangsa masyarakat. (*Tepuk*) (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Emosi yang tinggi, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Ada tiga pihak yang terlibat. Pertama ialah pelacur, yang kedua ialah pelanggan; dan yang ketiga ialah apa yang dipanggil 'pimp' – orang tengah. Jadi, ketiga-tiga ini boleh dihadapkan di dalam mahkamah kerana kalau tidak secara direct, secara tidak directnya dia membantu. Kalau ada 'pimp', dia mengumpulkan kedua-dua belah pihak; ataupun kalau pelanggan, dia menyokong supaya urusan ini berjalan; kalau pelacur, dia menunggu supaya perkara ini dapat dijalankan. (*Ketawa*) Insya-Allah, kita akan uruskan supaya semua ini mendapat siksaan di bawah kanun kita.

#### **GURU BUKAN SISWAZAH — PEMBERIAN ELAUN KHAS**

**9. Puan Sukinam Domo** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian Pendidikan bercadang memberi imbuhan, seperti elaun khas, kepada guru-guru bukan siswazah yang terpaksa mengajar kelas-kelas menengah atas dan Tingkatan 6 yang tiada guru siswazah.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang memberi imbuhan seperti elaun khas kepada guru-guru bukan siswazah yang terpaksa mengajar kelas-kelas menengah atas dan Tingkatan 6 yang tiada guru siswazah. Bagi menangani masalah ini, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk membekalkan guru-guru siswazah kepada semua sekolah menengah pada masa yang akan datang.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan, memandang kesanggupan guru-guru yang bukan siswazah menjalankan tugas yang bukan tugas mereka, adakah pihak kementerian bercadang akan memberi keutamaan dari segi peluang untuk guru-guru berkenaan melanjutkan kependidikan perguruan mereka ke peringkat yang lebih tinggi oleh kerana imbuhan dicadangkan untuk tidak diberi.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, memang itulah hasrat kita. Kita berpendapat, lebih baik kita beri peluang kepada guru-guru ini untuk menimba ilmu itu dan mendapatkan ijazah-ijazah yang berkaitan dan memang kita galakkan guru-guru yang bukan siswazah ini untuk berbuat demikian dengan kemudahan-kemudahan yang tertentu.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan memberi elaun khas kepada guru-guru yang mengajar kelas tambahan, sama ada di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah, misalnya pada hari Sabtu?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, elaun-elaun khas cuma diberi kepada guru-guru yang mengajar di dalam keadaan-keadaan dan kawasan-kawasan yang tertentu sahaja mengikut aturan dan peraturan yang kita gariskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi.

(Soalan No. 10 – Y.B. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi tidak hadir)

**PAIP GAS DI KERTEH —  
RANGKAIAN SALURAN**

**11. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) rangkaian saluran paip gas dari pusat penapisan Petronas di Kerteh, Terengganu ke seluruh negara;
- (b) apakah langkah-langkah keselamatan yang telah diambil untuk memastikan tidak berlaku kemalangan seperti kebocoran, kebakaran, letupan dan seumpamanya sepertimana yang sering terjadi akhir-akhir ini di beberapa buah negara luar; dan
- (c) sama ada kerajaan telah membuat keputusan muktamad berkenaan dengan tapak Universiti Petroleum dan apakah kriteria di atas pemilihan tersebut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Rangkaian saluran paip di Semenanjung Malaysia yang telah dibina bermula dari loji memproses gas di Kerteh, Terengganu dan dibahagikan kepada dua rangkaian saluran gas, iaitu saluran utama sepanjang 1,103 kilometer dan saluran sisir berjumlah 201.5 kilometer.

Saluran utama tambahan dari Lumut ke Perlis sepanjang 266 kilometer adalah di dalam peringkat tender dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada bulan Januari 1998.

- (b) Keselamatan berkaitan dengan aktiviti penyaluran gas oleh Petronas ini dikawal oleh Akta Petroleum (Langkah Keselamatan) 1984. Akta tersebut adalah di bawah bidangkuasa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, yang bertanggungjawab menjalankan pengawalan ke atas saluran paip dan menguatkuasakan Akta tersebut.

Di antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (i) pembinaan pemeriksaan dan ujian terhadap paip dibuat menurut piawai antarabangsa dan dilakukan oleh pekerja yang diiktiraf kelayakan mereka;
- (ii) ujian yang rapi dilakukan ke atas paip sebelum dimulakan tugas;
- (iii) paip gas tekanan tinggi tidak dibina di bawah bangunan;
- (iv) sistem penyelenggaraan yang berjadual dan sistematik dijalankan ke atas sistem rangkaian paip;
- (v) rondaan ke atas kesemua rangkaian paip gas dibuat setiap hari;
- (vi) sekiranya ada kebocoran gas akan mudah dikesan kerana telah dicampur dengan pembawa unik odoron. Kebocoran boleh dilaporkan melalui sistem telefon bebas kepada pihak yang berwajib untuk tindakan selanjutnya.

Seterusnya bilik kawalan operasi 24 jam. Pelan Tindakan Kecemasan (Emergency Response Plan) sentiasa dipertingkatkan untuk menangani sebarang kecemasan dalam masa yang singkat. Menyediakan perkhidmatan, penilaian dan khidmat nasihat ke atas pekerja-pembinaan yang melibatkan sistem rangkaian paip gas.

- (c) Pada masa ini penubuhan Universiti Petronas masih lagi di peringkat perancangan awal. Urusan untuk mendapatkan kelulusan dari pihak Kementerian Pendidikan sedang diusahakan. Mengikut cadangan yang dikemukakan, institut tersebut akan menawarkan kursus yang berkaitan dengan teknologi petroleum, petrokimia dan industri berat.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Soalan tambahan berkenaan dengan rangkaian saluran paip gas. Benarkah Petronas menjalankan satu pilot project rangkaian saluran gas untuk mengkaji keselamatan dari segi letupan kebocoran dan kebakaran supaya letupan gas seperti yang berlaku di Mexico City tidak berlaku di Malaysia dan jika ada apakah maklum balas dari projek ini dan jikalau tidak adakah Petronas berhasrat untuk menjalankan satu kajian atau pilot project seperti ini?

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bagi menjawab soalan Yang Berhormat tadi, apa yang ada ialah pada hari ini kita telah pun membekalkan gas ke industri-industri di beberapa kawasan iaitu Shah Alam dan Pasir Gudang. Mungkin inilah yang dimaksudkan pilot project itu

dan memang projek ini telah pun dijalankan.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah jumlah simpanan gas yang telah dikenal pasti di seluruh negara setakat ini?

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang dengar. Bolehkah kuat sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, jenis gas.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Jumlah simpanan gas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jumlah simpanan gas.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Jumlah simpanan gas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tahu ya?

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Oleh kerana ini memerlukan angka, saya minta notis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

#### KAD PENGENALAN BARU — TEMPOH PENUKARAN

**12. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) memandangkan masih ramai penduduk di luar bandar Sarawak belum menukar kad pengenalan lama kepada kad pengenalan baru, adakah kerajaan bercadang untuk melonggarkan tempoh tamat Disember 1996 kepada negeri Sarawak dan Sabah hingga suatu tempoh yang sesuai; dan

- (b) adakah kementerian sedar bahawa denda bagi menukar kad pengenalan lama kepada kad pengenalan baru apabila kad mereka itu rosak akan didenda sehingga RM50 dan adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan kerana ramai rakyat yang miskin di luar bandar tidak mampu membayarnya sekiranya denda itu tidak dihapuskan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk memanjangkan tempoh tamat bagi penukaran kad pengenalan lama kepada kad pengenalan baru, iaitu masih tetap pada 31hb Disember, 1996 termasuk bagi negeri Sarawak dan Sabah.
- (b) Berhubung dengan denda kerana kad pengenalan rosak, sukacita saya maklumkan bahawa ianya hanyalah RM10 sahaja dan bukan RM50 sebagaimana yang dinyatakan di dalam soalan Yang Berhormat. Di dalam hal ini, penduduk yang miskin di luar bandar boleh dikecualikan denda atas budi bicara pegawai pendaftaran yang berkenaan.

**Dato' Joseph Chong Chek Ah:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertukaran kad pengenalan ini, saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kementerian ataupun Jabatan Pendaftaran Negara dapat menyelesaikan pemerosesan 1.4 juta kad pengenalan dalam akhir tahun ini seperti yang diarahkan oleh Ketua Setiausaha

Negara semasa beliau mengadakan lawatan mengejut ke JPN pada 12hb Jun 1995 ini.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa Ketua Setiausaha Negara telah pun memberi satu arahan supaya semua backlog yang telah terkumpul di Jabatan Pendaftaran Negara sehingga tahun lepas perlu diselesaikan dalam tahun ini dan Jabatan Pendaftaran Negara telah pun buat masa ini tiap-tiap hari boleh dikatakan kerja lebih masa dan mereka yakin menjelang hujung tahun ini backlog yang sampai tahun lepas, semuanya boleh diselesaikan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Timbalan Menteri beri keterangan bahawa tempoh yang perlu diambil untuk mendapat pertukaran ini.

Yang kedua, sama ada mempunyai satu peraturan di mana semua butiran-butiran yang terdapat dalam kad pengenalan baru itu telah diperiksa sebelum dihantar kepada pemohon. Sebab saya dapat tahu bahawa masih ada pemohon walaupun baru dapat kad pengenalan baru tetapi nampaknya butiran-butiran di dalam kad itu adalah salah dan perlu dikembalikan kepada Jabatan Pendaftaran Negara dan ini mengambil masa dan susah untuk mereka.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang betul pada satu ketika iaitu pada tahun pertama ataupun tahun yang kedua, di mana pada masa itu ada segelintir kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara di kaunter kurang berpengalaman ataupun kurang mahir terutamanya kakitangan yang baru; mereka tidak semak borang permohonan itu dengan baik sebelum mereka terima. Kesalahan ataupun



kesilapan ini telah pun dibetulkan di mana semua kakitangan kaunter telah pun diingatkan supaya semak dengan betul-betul. Pertukaran ini telah dijalankan selama empat tahun lebih, kakitangan kaunter sekarang sudah lebih mahir dan kesilapan ini telah pun dikurangkan. Tetapi untuk mereka yang menghadapi masalah kesilapan yang disebabkan oleh kaunter, Jabatan Pendaftaran Negara telah mengarahkan mereka ini boleh betulkan butiran di mana-mana tempat mereka memohon itu secara percuma dan permohonan untuk membetulkan butiran itu perlu diutamakan. Mengenai tempoh pertukaran, saya telah terangkan tetap tidak berubah dan segala langkah-langkah untuk mempercepatkan ini telah pun dijalankan.

#### **INSTITUSI KEWANGAN BERLANDASKAN SYARIAH — PENUBUHAN**

**13. Tuan Abdul Rahin bin Dato' Haji Mohd. Said** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) sama ada kementerian bercadang untuk menubuhkan institusi kewangan berlandaskan Al-Muamalah Islam mengikut konsep syariah lain seperti "Islamic Factoring" dan "Islamic Discount House"; dan

(b) apakah halangan-halangan, jika ada, ke arah menubuhkan institusi tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Shafie bin Mohd. Salleh):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Ya, kementerian memang mengalu-alukan sebarang usaha untuk menggalakkan skop muamalah Islam di Malaysia

selama mana ia ditubuhkan dan dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip syariah dan undang-undang yang sedia ada. Bank Negara Malaysia sedang meneliti bentuk yang paling sesuai untuk syarikat diskaun dan syarikat pemfaktoran untuk menawarkan khidmat perbankan secara Islam.

(b) Tidak ada sebarang halangan sama ada dalam bentuk halangan undang-undang atau halangan operasi untuk menubuhkan syarikat tersebut.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, setakat ini berapakah institusi kewangan yang telah melaksanakan sistem perbankan tanpa faedah.

Yang kedua, adakah sebarang usaha-usaha baru dari mana-mana pihak selain daripada pihak-pihak institusi kewangan untuk memperkembang muamalah Islam dalam sistem ekonomi dan kewangan negara.

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sebanyak 41 institusi kewangan yang sedang melaksanakan sistem perbankan tanpa faedah. Jumlah ini terdiri daripada 21 bank perdagangan, 17 syarikat kewangan dan 3 bank saudagar. Untuk makluman, kerajaan sememangnya komited dalam usaha-usaha memperluaskan sistem kewangan Islam di Malaysia.

Untuk soalan nombor dua, selain daripada institusi-institusi kewangan kerajaan ada menerima kertas cadangan untuk memajukan lagi sistem kewangan Islam. Sebagai contoh, cadangan telah diterima untuk menubuhkan Institut Muamalah Islam

Malaysia. Cadangan juga telah diterima dari beberapa institusi pengajian tinggi tempatan dan pihak kerajaan buat masa ini sedang mengkaji secara aktif cadangan-cadangan tersebut.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanazlah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah produk-produk perbankan Islam yang ditawarkan dalam pasaran kewangan Malaysia pada masa ini dan bagaimanakah response masyarakat ke atas produk-produk itu?

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat 19 produk perbankan Islam yang ditawarkan dalam pasaran kewangan Malaysia pada masa ini dan sebagai contoh yang paling popular ialah Pinjaman Perumahan (Bai' Bithaman Ajil), Pembiayaan dan Pembelian Aset (Al-Ijarah Thumma'al Bait), Modal Kerja (Al-Murabahah), Pembiayaan Projek (Al-Mudarabah), Akaun Simpana Semasa (Al-Wadiah) dan Kemudahan Overdraif (Al-Qardul-Hassan).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya harap kita semua faham. (*Ketawa*) Yang Berhormat Puan Hajah Ilani.

(*Soalan No. 14 – Y.B. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak tidak hadir*)

#### JAMBATAN/JEJANTAS — MEMASTIKAN KESELAMATAN PENGGUNA

**15. Tuan Yeong Chee Wah** minta Menteri Kerja raya menyatakan sejauh manakah kekukuhan dan keselamatan bagi semua jambatan konkrit, jambatan kayu, jejantas, jalan bertingkat dan jambatan kereta api di seluruh negara dan:

- (a) sebutkan jadual pemeriksaan oleh Kementeriannya, apakah laporan dan semakan daripada pemeriksaan tersebut dan sejauh manakah cadangan dan nasihat dapat dipenuhi;
- (b) apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk mengatasi segala kelemahan dan cacatan;
- (c) bolehkah kementerian menjamin semua jambatan masih kukuh dan selamat dalam tempoh 10 tahun akan datang; dan
- (d) berapa jambatan yang perlu dibina semula dengan segera dan berapa peruntukan yang diperlukan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Railey bin Haji Jaffrey):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada:

- (a) Jabatan Kerja Raya di bawah Kementerian Kerja Raya telah memulakan program pemeriksaan mandatori tahunan kepada jambatan-jambatan mulai tahun 1995. Di bawah program ini semua jambatan-jambatan di laluan Persekutuan akan diperiksa keadaannya setiap tahun untuk memastikan keselamatannya. Hasil pemeriksaan ini akan menentukan mana-mana jambatan yang perlu diganti, dibaik pulih, disenggara dan sebagainya.
- (b) Program penggantian dan baik pulih jambatan telah dimulakan dalam Rancangan Malaysia ke-5 dan Rancangan Malaysia ke-6 dan juga akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia ke-7.

- (c) Pada ketika ini pihak JKR di bawah Kementerian Kerja Raya sedang berusaha mengambil tindakan melalui beberapa program penggantian dan baik pulih jambatan untuk memastikan jambatan-jambatan selamat digunakan pada sepanjang masa dan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya sentiasa terjamin.
- (d) Kira-kira 200 buah jambatan di laluan Persekutuan Utama 1, 2 dan 3 telah dikenal pasti perlu diganti kerana keadaan yang substandard, sempit atau rosak dengan anggaran kos sebanyak RM300 juta.

**Tuan Yeong Chee Wah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian ada mewujudkan satu pasukan khas untuk meneliti semula jambatan di seluruh negara? Jikalau ada, sila sebutkan prestasinya. Jikalau ada sesebuah jambatan atau jalan yang runtuh mengakibatkan kehilangan nyawa atau harta benda, siapakah yang bertanggungjawab di atas perkara ini?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum tahun 1995 kaedah pemeriksaan jambatan-jambatan di seluruh negara adalah dilakukan secara *ad hoc* oleh jurutera-jurutera daerah. Pada tahun 1995 dimulakan satu program pemeriksaan mandatori kepada semua jambatan-jambatan di laluan Persekutuan supaya ada pemeriksaan yang lebih teliti memandangkan traffic volume yang bertambah, kekerapan kemalangan yang berlaku dan berbagai-bagai lagi masalah.

Kepada soalan yang kedua iaitu berkenaan dengan kemalangan yang

berlaku sukalah hendak saya per-katakan di sini bahawa kemalangan yang berlaku sukar kita hendak kata-kan sama ada ianya disebabkan oleh kerana keadaan jalan atau tidak ke-rana pada akhir-akhir ini memang banyak kemalangan berlaku disebab-kan pertambahan trafik dan pemandu-pemandu yang laju.

#### **PROGRAM RAKAN MUDA DAN PRASARANA SUKAN — KEJAYAAN**

**16. Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Belia dan Sukan menyata-kan:

- (a) bilangan belia dan beliawanis yang berdaftar dengan kementerian untuk menyertai program-program Rakan Muda berdasar-kan jenis-jenis program yang diperkenalkan;
- (b) bagaimanakah program-pro-gram yang melibatkan ratusan ribu belia ini dapat dilaksana-kan dengan berkesan; dan
- (c) apakah prasarana sukan yang sudah sedia ada di seluruh ne-gara mampu menanggung se-gala program yang telah diran-cang.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga 15hb. Ogos 1995 se-ramai 1,096,590 anak muda telah mendaftar untuk menyertai program Rakan Muda. Dari angka tersebut 505,970 orang ataupun 46.14% adalah remaja perempuan dan 590,620 ataupun 53.86% adalah remaja lelaki. Pecahan mengikut program

gaya hidup pula adalah seperti berikut:

(orang muda)

Rakan Rekreasi	197,045
Rakan Sukan	144,985
Rakan Waja Diri	188,883
Rakan Cinta Alam	171,619
Rakan Masyarakat	68,808
Rakan Waja Usaha/ Mahir	70,836
Rakan Seni Budaya	88,920
Rakan Kecergasan	57,069
Rakan Reka Cipta	60,568
Briged Rakan Sukan	47,857

- (b) Program Rakan Muda dijangka dapat dilaksanakan dengan berkesan berdasarkan strategi pelaksanaan yang telah disusun. Antara strategi tersebut adalah bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kerajaan di peringkat negeri dan peringkat daerah; menggerakkan semula pertubuhan-pertubuhan sosial, badan-badan bukan kerajaan dan badan-badan sukarela; bekerjasama rapat dengan sektor swasta dalam penajaan dan sokongan aktiviti-aktiviti; pertambahan peruntukan program di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah; pembaikan program meliputi penyediaan garis panduan, etika pelaksanaan dan rukun Rakan Muda.
- (c) Prasarana sukan yang sedia ada di seluruh negara pada masa ini sungguhpun banyak adalah didapati bahawa tidak mampu untuk menanggung keseluruhan program yang dirancangan

kerana response kepada program Rakan Muda ini adalah begitu menggalakkan. Untuk mengatasi masalah ini dalam jangka masa pendek, kementerian telah mengambil tindakan untuk menyalurkan peruntukan kepada institusi-institusi kerajaan di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah untuk membina infrastruktur-infrastruktur sebagai projek-projek kecil luar bandar.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Timbalan Menteri soalan tambahan. Soalan yang pertama, tujuan utama Rakan Muda ditubuhkan ialah untuk sedikit sebanyak memberhentikan gejala-gejala buruk seperti lepak, bohjan/bohsia berlaku di negara kita ini. Jadi, saya pernah berbincang dengan seorang pendidik daripada Jabatan Pendidikan yang mengatakan apabila, soalan Tuan Yang di-Pertua, belum habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila kemukakan soalan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Bila Rakan Muda hendak mengadakan sesuatu aktiviti, dia panggil budak-budak dari sekolah untuk terlibat. Kata dia ini ada pelajaran, ada di sekolah dibuat. Kenapa tidak ambil orang daripada luar yang melepak. Jadi, macam mana komen Timbalan Menteri mengenai soalan ini?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, falsafah Program Rakan Muda ini adalah baik iaitu untuk berbagai-bagai tujuan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, anti lepak, anti bohsia dan sebagainya atau anti apa-apa aktiviti yang tidak baik dalam golongan belia. Memang ini

adalah bertujuan baik. Oleh kerana itu, Kementerian Belia dan Sukan telah merancang dan melaksanakan program ini. Tetapi pihak-pihak yang menganjur sesuatu aktiviti di bawah Program Rakan Muda ini – kemungkinan itu adalah di peringkat negeri ataupun di peringkat daerah, – mereka tidak begitu mahir ataupun profesional dengan izin, untuk mengadakan aktiviti-aktiviti itu mengikut rapat tujuan yang dimaksudkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Ini adalah benar, tetapi ini adalah sebahagian kecil sahaja. Kementerian Belia dan Sukan telah mendapati bahawa ini berlaku dan tindakan-tindakan telah diambil dan juga seminar-seminar telah diadakan bagi pegawai-pegawai atau pihak-pihak yang terlibat dalam menganjurkan sesuatu aktiviti yang ada di bawah Program Rakan Muda.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana begitu prihatin tentang masa depan belia kita. Cuma satu saya ingin tanya, iaitu setakat mana atau sejauh manakah penglibatan badan-badan korporat ataupun peniaga-peniaga yang telah berjaya di dalam membantu Program Rakan Muda ini ataupun pelabur-pelabur yang datang di dalam negara kita ini. Adakah mereka juga terlibat dari segi bantuan kewangan, moral dan sebagainya untuk membantu kerajaan mempertingkatkan Program Rakan Muda ini?

Setakat hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat apabila pihak berkuasa menyerbu tempat-tempat, sarang-sarang maksiat ini, kita dapat lihat masih ramai anak-anak muda kita yang berada di sana. Jadi, adakah

kerajaan bercadang untuk mendaftarkan mereka ini dan menyerapkan mereka ini untuk mengikuti skim-skim Program Rakan Muda ini supaya mereka dapat mengubah haluan?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, apabila saya menjawab soalan ini dan juga dari semasa ke semasa Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan pun telah menerangkan bahawa Program Rakan Muda ini adalah program yang begitu penting, khususnya apabila negara kita ini menuju ke arah Wawasan 2020.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pun selalu mengatakan perhatian yang cukup kena diberikan kepada golongan belia. Oleh kerana itu, kita tahu program ini adalah begitu mencabar dan kita berhasrat dan ingin melihat bahawa program ini berjaya. Jadi, semua pihak yang boleh kita libatkan, akan dilibatkan, seperti pihak swasta, syarikat-syarikat korporat, peniaga-peniaga yang berjaya, semua kena dilibatkan dalam program ini, sama ada mereka diminta supaya menaja sesuatu aktiviti di bawah Program Rakan Muda seperti syarikat-syarikat korporat yang telah dilibatkan di bawah Rakan Sukan dan juga aktiviti-aktiviti lain. Jadi, ini adalah tanggungjawab semua pihak dan setiap rakyat di dalam negara kita ini.

Berkenaan dengan aktiviti-aktiviti lain ataupun mana-mana tempat yang kita dapat lihat masih ada belia terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat, kita ingin menerangkan bahawa pada tahap yang awal ini, kita nampak Program Rakan Muda telah berjaya, tetapi kita hendak tengok program ini kena dilaksanakan dengan lebih mendalam dan menyeluruh di dalam negara kita ini. Jadi, kita kena sabar

bahawa cukup masa kena diberikan kepada kementerian supaya program ini dapat dijalankan dengan lebih menyeluruh dan lebih mendalam.

**KOLEJ TAR DI SARAWAK —  
PERKEMBANGAN TERAKHIR  
PENUBUHANNYA**

**17. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Pendidikan menyatakan perkembangan terakhir bagi penubuhan Kolej TAR di Sarawak seperti lokasi, tahun bangunan akan mula dibina, mula beroperasi, jumlah pengambilan pelajar yang pertama dan fakulti yang ditawarkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kementerian Pendidikan belum menstabilkan senarai projek-projek yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, maka satu keputusan terakhir belum dibuat tentang projek yang disebutkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, masa sudah cukup, Yang Berhormat.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 4, 10, 14, 18 hingga 91 akan dijilid dalam buku berasingan)*

**RANG UNDANG-UNDANG  
- DIBAWA KE DALAM  
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PENJARA 1995**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Penjara 1995; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri;

dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBADANAN PEMBANGUNAN  
INDUSTRI KECIL DAN  
SEDERHANA 1995**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (16hb Ogos, 1995)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, sila sambung.

3.37 ptg.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar):** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya bercakap mengenai di bawah tajuk empat perkara, iaitu kewangan, pengurusan, latihan dan bimbingan berterusan untuk memajukan IKS. Jadi, saya letakkan kemajuan IKS ini atas bahu badan yang disebut dengan nama Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana yang bakal ditubuhkan di bawah undang-undang ini.

PPIKS, Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat penting untuk kemajuan ke arah itu. Oleh itu, ingin juga saya menyebutkan di bawah tajuk kelima — peranan pihak kerajaan. Di bawah peranan pihak kerajaan, kita perlulah memandangkan daripada tapak kilang, kadang-kadang kalau orang kecil ini, dia susah hendak cari tapak. Kalau kita hendak melabur beribu juta, beratus

juta barulah tapak itu senang dicari, tetapi yang kecil ini perlu bantuan, perlu bimbingan, tetapi kadang-kadang mendatangkan masalah. Hendak beli tanah harga tanah sudah tinggi, hendak beli tanah yang berdekatan dengan bandar pun harganya lebih tinggi lagi. Jadi, terpaksa pihak IKS membinakan kilang-kilang mereka di belakang-belakang kedai, di lorong-lorong kedai, di lorong-lorong tempat yang tidak selesa, tidak baik dan gejala yang berbangkit daripada ini ialah kekotoran alam sekitar, perkilangan haram dan sebagainya.

Dengan ini saya mencadangkan juga pihak kerajaan hendaklah memainkan peranan yang rapi untuk memastikan tapak kilang disediakan juga bukan kepada gigantic, syarikat besar-besaran, tetapi juga kepada pihak IKS. Itu bagi pihak yang baru, tetapi kepada kilang-kilang yang lama, yang sekarang kita tahu sebagai 'ghetto', sebagai tempat yang tidak baik, yang tidak senonoh, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, kita patut menyediakan satu tapak lagi iaitu untuk penempatan semula kilang IKS ini. Penempatan semula ini adalah penting untuk mengelakkan berterusannya keadaan yang tidak baik, yang boleh mendatangkan nyamuk Aedes, lalat, kekotoran dan sebagainya.

Kita bercakap mengenai soal environment, Tuan Yang di-Pertua, kalau perkara ini kita tidak selsaikan, environment kita memang terjejas sampai bila-bila masa pun tidak dapat diatasi masalah ini. Jadi, kita mestilah mengenal pasti supaya dapat mengelakkan dari pencemaran dengan membuatkan tempat-tempat atau tapak-tapak perkilangan haram ini dapat dibangunkan semula menjadi tempat yang lebih selesa dan me-

ningkatkan lagi harga atau harta tanah di tempat-tempat di mana kilang IKS ini telah bertapak.

Di bawah ini juga, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyebutkan satu perkara, oleh kerana ini adalah tindakan jabatan kerajaan, iaitu soal perlesenan. Kadang-kadang jabatan kerajaan kalau tengok Tan Sri itu, Tan Sri ini yang minta, yang hendak melabur RM80 juta, RM100 juta mungkin cepat lesen dikeluarkan. Tetapi oleh kerana kawan kita ini hendak melabur hanya RM200, pinjam duit dari BBMB ataupun daripada wang sendiri, dia lambat sedikit lesen dikeluarkan.

Kita orang bisnes, Tuan Yang di-Pertua, 'a day mean, a day lose'. Pada kerajaan ini berlainan sedikit. Falsafah orang yang membuat bisnes dengan falsafah pegawai kerajaan berlainan. Jadi, kita hendaklah berfalsafah 'the client and...'. Pihak kerajaan ini jangan sebut sahaja soal 'client reinventing the government', macam-macam cerita ini. Kalau kita tidak implementing idea, ideologi dan falsafah yang kita hendak implimentasikan ini, jadi akan mendatangkan kesan yang baik. Untuk mengurangkan kelambatan pelesenan, permit dan sebagainya, kerana orang yang kecil, dia kurang orang. Kalau saya hendak berusaha, mungkin saya sendiri hendak pergi ke Pejabat pelesenan hendak menguruskan kewangan, hendak pergi jumpa bank dan sebagainya. Oleh kerana saya terpaksa pergi ke hulu, ke hilir, ke atas, ke bawah, maka ini jadi lambat. Lambat seminggu, dua minggu itu saya yang rugi dan kerajaan juga rugi. Jadi, idea yang kita hendak buat di bawah ini pun akan hilang begitu sahaja kerana kelembapan, momentumnya terlambat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyerulah pihak kerajaan dan pihak-pihak yang berkuasa supaya soal perlesenan, permit dan sebagainya jika dimohon janganlah banyak sangat red tape dalam memberi access kepada pihak IKS. Sebenarnya, pihak IKS boleh dibinasakan pada bila-bila masa sahaja. Umpamanya, seorang pengilang perabot kalau sources of timber tidak datang sampai ke kilang, dia akan mati begitu sahaja melainkan dia mempunyai satu lesen timber sendiri. Kalau dia tidak mempunyai lesen sendiri, katalah besok hari tauke balak memberhentikan pengeluaran ataupun dia kata dia kena jual dengan harga yang sama dengan harga keluaran balak di luar negara, "mampuslah", minta izin, Tuan Yang di-Pertua, kilang IKS kita ini.

Jadi, saya berharaplah semua access kepada pembekal-pembekal bahan-bahan sumber, bahan-bahan yang digunakan oleh kilang-kilang ini mestilah diberi dan ditekankan oleh kerajaan. Umpamanya keperluan-keperluan seperti perabot, kayu-kayannya mesti kita pastikan ianya cukup, simen-simennya mesti cukup, batu-batunya mesti cukup. Kita yang mesti pastikan. Badan IKS ini mesti menjadi satu badan penyelaras memastikan barang ini ada supaya jangan berlaku seperti yang ada sekarang - cement shortage.

Saya, dua tiga hari ini banyak berjumpa kawan di sana sini dan banyak bercakap dengan mereka. Kawan-kawan saya ini orang besar-besar tetapi saya orang kecil. Saya jumpa orang besar-besar orang yang public listed company, yang belum listed company dan yang hendak tunggu company listing. Mereka kata ini 'old case treated shortage'. Ini semua

bukan betul tetapi disebabkan hendak menaikkan harga. Kalau tidak, mengapa kalau kita bawa simen daripada luar negara, dia kata simen itu below standard tetapi SIRIM sudah tested bahawa simen ini okay. Kenapa boleh berlaku perkara seperti ini? Mereka kata, itu menunjukkan bahawa ianya orchestrated shortage supaya harga ini dinaikkan. Pihak kerajaan jangan dengar sangat perkara ini. Kita mesti protect industri kita. Yang besar kita jaga dan yang kecil pun kita jaga. Kalau cement industry tidak diprotect, apa akan jadi dengan industri perumahan - pembinaan? Apa akan jadi dengan pembeli-pembeli rumah murah kalau kita tidak jaga keselamatan mereka? Jadi, kita kena jaga bersama. Yang kecil kita jaga dan yang besar pun kita jaga. Jangan jaga yang besar dan bunuh yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa marah sedikit. Saya berminat dalam soal rumah murah dan industri-industri kecil dan itulah sebabnya saya menyokong penuh undang-undang ini supaya pihak PPIKS ini nanti menjalankan tugas bagi pihak kerajaan dan berkuasa untuk memberitahu kepada kilang-kilang yang besar ini jangan 'dictate terms' kepada kilang-kilang yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, binaan - simen, besi-besian - supaya pengilang-pengilang besi diberi access kepada manufactures atau producer besi di seluruh negara. Kalau kementerian hendak pergi ke luar negeri bawalah ISK sama. Jangan bawa yang besar sangat! Bawa IKS ini suruh mereka jumpa pengeluar besi di South Afrika dan di tempat-tempat lain supaya mereka dapat direct access dan supaya penekanan tidak terkena kepada mereka.



Tuan Yang di-Pertua, kita perlulah menjauhkan IKS daripada tekanan pihak-pihak pembekal bahan asli terutama yang diberi lesen oleh pihak kerajaan. Ini berbalik kepada industri timber. Industri timber tidak akan maju kalau orang lain masih boleh menekan mengatakan jangan keluar-kalkan balak kepada mereka ini melainkan saya dapat syer di dalam syarikat-syarikat ini. Ini 'blackmail' namanya. Tak boleh beri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ringkas, kementerian, ahli-ahli politik, dan kerajaan serta pegawai-pegawai kerajaan daripada KSU hingga ke pegawai rendah 'must dream the same dream, There cannot be a strange vested law, dengan izin. Jabatan-jabatan kerajaan mesti merealisasikan impian kementerian, impian orang politik. Jangan kita ini orang politik punya dream sahaja. Once it can be made into reality, must be made into reality. Tugas dan tanggungjawab kita kepada orang kita sendiri.

Orang Jepun lari dari negeri Jepun oleh kerana cost of production di negeri Jepun sudah meningkat. Kita tidak boleh menafikan ada masanya nanti orang Jepun akan lari daripada Malaysia dan melabur di negara lain. Kalau mereka boleh lari dari negeri Jepun ke Malaysia, mereka juga boleh lari dari Malaysia ke tempat lain. Jadi, siapa yang tinggal? IKS yang akan menjadi tulang belakang kemajuan industri di Malaysia ini yang akan di sini, orang kita sendiri. GSP ditarik balik, maknanya Malaysia competitiveness sudah berlainan sedikit di antarabangsa. Dengan sendirinya IKS ini orang kita dan IKS inilah yang menjadi tulang belakang yang akan menyelamatkan kita daripada apa yang berlaku di Brazil dan berlaku di banyak tempat lagi di South Africa

yang saya sudah lupa nama tempatnya. Saya baca semua dahulu. Soal IKS, industri, GM, Motor, Volkswagen semuanya pergi ke sana, bila GM lari IKS mati kerana pada ketika itu kerajaan di South Africa tidak melihat bahawa industri giant yang besar-besar ini mungkin pada satu ketika nanti beralih ataupun lari oleh kerana political instability, yang tinggal orang di situ sendiri. Jadi, kita hendak jaga keadaan Malaysia, kita boleh belajar daripada kesalahan sendiri dan kita boleh belajar daripada kesalahan orang lain, kerana kita boleh baca. Jabatan kerajaan tidak boleh berprinsip 'kita sudah tolong'. Kita mesti tolong lebih daripada boleh, insya-Allah, boleh sebut tiap-tiap kali, "akan dipertimbangkan". Boleh disebut bila-bila masa. Tetapi dalam kontek ini, saya mintalah keihklasan, bukan untuk orang lain tetapi untuk orang kita. Saya tidak cakap bumiputera, saya tidak cakap siapa-siapa. Orang Malaysia. Saya tekankan bumiputera mesti dilibatkan sama, kalau tidak the New Economic Policy itu kita sudah kuburkan - belum lagi terkubur tetapi hakikat dan semangat itu mesti ditekankan. Kerana kita tidak hendak kes seperti yang baru Presiden Suharto sebutkan - yang kaya, kaya sangat, yang miskin - miskin sangat. New Economic Policy, masalah inilah dia, kita tidak hendak. Mungkin kita, Tan Sri - saya sebut Tan Sri - ada roket sendiri, ada kapal terbang belon sendiri, ada satelit sendiri....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada jet sendiri.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar....**  
dan jet sendiri, tetapi masih ada yang miskin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun. Sila.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Tuan yang di-Pertua, penjelasan sedikit. Tadi ada sebut 'terbang belon atau satelit belon', saya tidak pernah dengar ini. Sama ada ini penakrifan baru atau ada penemuan baru. Ini saya tumpang tanya sedikit.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, Dato' ini selalu pergi Sarawak, dia perli saya. Kalau dia datang ke Sarawak, kalau dari Sarawak – kapal terbang MAS itu belon. (*Ketawa*) Tetapi daripada Kuala Lumpur untuk pergi ke sana ialah kapal terbang. Jadi, kapal terbang MAS itu kapal belonlah – belon MAS. Kita tidak mahu melihat percanggahan – skyscraper kita yang tertinggi dalam dunia, bangunan tower Kuala Lumpur kita yang ketiga tertinggi dalam dunia. Yang ketiga, belum naik. Saya sudah ada jemputan daripada kontraktor dia. Jadi, kita berbangga dengan kekayaan ini. Saya tak macam DAP, dahulu soalan Euphoria dengan kemegahan. Kejayaan kita, memang – di sana sini saya pakai baju – anak saya akan pulang dari Amerika besok, saya suruh dia beli baju Malaysia, baju Sarawak, tunjukkan kita ini orang Sarawak, Malaysia, kita bangga. Di dalam kita berbangga, penekanan kita kepada industri – penekanan kita kepada pegawai kita, jangan jadi macam Presiden Clinton.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Yang Berhormat kita ini memang cukup prihatin. Hari ini dia kata anak-anak dia hendak pergi US membeli baju daripada Malaysia dan Sarawak. Tetapi kel-

marin dia kata suit ini daripada London. Jadi, yang mana satu. (*Ketawa*)

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya datuk dari Laghut, kawan lama saya. Dia tanya saya sama ada kot saya daripada London ataupun tidak. Saya tak tengok lebel, saya kata ini dari London. Tetapi bila saya balik ke hotel, saya tengok oh! American tailor buat daripada Kuching. (*Ketawa*) Soal baju, saya ceritakan, ini IKS juga, orang buat textile di Pulau Pinang. Saya pergi ke satu kedai nama Bankrop di New York. Saya tengok apa benda yang baik. Oleh kerana musim sejuk, saya nak pergi beli pullover. Bila pergi tengok, pegang sana, pegang sini, dapat satu warna kemerah-merahan, cantik bajunya, kain pun sedap, dari fine wool, macam Shadelandwool daripada England. Tuan Yang di-Pertua, suka dengar England. Jadi, saya beli. Bila saya balik ke hotel, saya tengok jumpa made in Malaysia. Saya pun suka jugalah. Saya balik ke tempat itu beritahu baju yang saya beli semalam made in Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah berbangga, barang-barang dan benda yang kita buat sudah sampai ke Amerika, sampai ke kedai yang bernama macam Bankrop di Port Street. Saya sudah jumpa kayu getah sampai di Toronto, semasa saya pergi ke Kanada – meja dibuat daripada kayu getah. Di Toronto, di situ tempat show room yang boleh dikatakan besar, kalau kita hendak jalan di show room itu kena gunakan kereta macam kereta orang main golf. Saya tak pernah main golf, saya nak cuba, saya nak cari kayu buluh yang bagus boleh dipakai. Kalau dapat nanti, insya-Allah, mungkin industri kecil kita boleh membuat kayu golf sendiri. Kita sudah

bina padang golf, kita kena buat kayu golf. Apa guna beli di luar negeri, kita boleh buat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya sudah janji dengan kawan tadi, saya cakap 15 minit, tetapi sudah terlanjur, minta maaf, kerana banyak kawan-kawan hendak cakap. Saya ada satu perkara lagi. Tadi saya kata peranan kerajaan, sekarang saya hendak minta – Clinton. Jangan jadi macam Clinton. Bila Clinton jadi Presiden, dia nampak keadaan dalam birokrat dia kucar-kacir, banyak sangat red-tape, banyak sangat dasar daripada federal, state level, provincial level, district level, macam-macam. Jadi, kalau hendak beli satu pensil, kata dia 10 authority approve baru boleh kerajaan beli satu pensil. Jadi, dia arahkan Timbalan Presiden buat satu penyelidikan, keluar satu buku reinventing the government, buku satu inci tebal. Baca buku macam tulis, Algore punya Inggeris pun kurang baik, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah baca buku asal dia. Tak baik Inggeris dia. Jadi, kita kena belajar Inggeris. (*Ketawa*)

Kita pandang dari segi semua perkara ini, Algore sudah nampak kerajaan dia, sebagaimana saya pernah sebut di sini, kejatuhan Nixon masa kes Watergate bukan kerana investigation yang dibuat oleh investigating reporter dia. Tetapi oleh kerana birokrat, atau jabatan kerajaan tidak bekerjasama yang don't dream the same dream that the Presiden was dreaming. Jadi, jatuhlah Presiden Amerika.

Jadi, kita tak hendak berlaku perkara ini. Kalau tak hendak berlaku, kita hendak jabatan kerajaan, ahli-ahli politik dan parlimen, dream the same dream so that we can move forward thorough well, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Pendek dan

ringkasnya yang akan menamatkan bahasan saya ialah di bawah peranan yang telah berjaya dan telah maju. Dalam satu seminar di Kuching di satu ketika saya dijemput untuk menghadiri satu seminar di bawah nama 'New Economic Policy', medium bahasa ialah Inggeris. Bukanlah makna orang Sarawak hendak maju bahasa Inggeris, mereka belajar juga. Satu soalan saya tanya kepada ahli panel. Saya kata kepada panel dalam seminar. Bila perbincangan sana dan sini, orang kata orang bumiputera, orang Melayu, orang Iban, orang Bidayuh, orang Dayak, orang Dusun, orang Selabit dan sebagainya belum maju lagi. Yang masih maju barangkali sedikit, 150 orang sahaja dalam Sarawak. Itulah kadangkadangkang tak ada orang tolong mereka. Saya kasihan tengok kawan saya seorang Benggali. Jadi, saya tanya kepada ahli panel itu, salah seorang ahli panel ialah seorang usahawan Iban yang kaya, yang maju dan seorang peguam. Saya tanya satu soalan. Saya cakap, Datuk, what have the rich the powerful the influential bumiputera have done to help Bumiputera. If you have'nt got a positive answer, Datuk, minta maaf, don't blame your people if you haven't help. Kalau Datuk takut dengan duit Datuk, kalau Datuk takut usaha Datuk, terjejas takut melibatkan orang Bumiputera, don't talk Datuk, saya cakap. Jadi, saya orang jahatlah, selalu cakap macam itu, tetapi semuanya ini menggalakkan supaya orang kita jangan tertinggal dalam dream kemajuan yang kita ada sekarang. Semangat Dasar Ekonomi Baru, tanggungjawab sosial, tanggungjawab politik, tanggungjawab ekonomi pihak yang telah maju, yang telah berjaya, yang kaya-raya, yang berkuasa ini mestilah untuk menuju ke arah mencapai matlamat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak PPIKS akan menanamkan semangat yang saya sebutkan tadi. Dengan itu, saya menyokong, Tuan Yang di-pertua.

**Tuan Yang di-Pertua: Yan.**

3.58 ptg.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin (Yan):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sungguh gembira kerana kerajaan sekarang ini bukan setakat melihat untuk membantu industri-industri yang besar, tetapi juga ingin membantu industri-industri yang kecil supaya industri kecil ini diibaratkan sebagai akar kepada sebuah pohon. Kuatnya industri kecil ini akan memperkukuhkan industri besar yang ada dalam negara ini dan juga akan memperkukuhkan lagi ekonomi serta membantu tenaga kerja yang ada di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, PPIKS ini adalah satu badan, saya kira yang diamanahkan untuk memastikan bahawa perjalanan IKS ini mengikut landasannya supaya jangan mereka ini terkeluar daripada hasrat murni mereka itu. Saya lihat ada dua tiga agensi yang telah ditubuhkan oleh kerajaan, kadang-kadang apabila sampai ke pertengahan jalan, mereka akan menyimpang daripada konsep asalnya. Apatah lagi kadang-kadang anak-anak syarikat kerajaan itu sendiri yang diharapkan menjadi payung kepada syarikat-syarikat yang kecil-kecilan ini, akhirnya menutup payung tersebut dan kepanasanlah yang berlingung di bawah payung tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pihak perbadanan ini perlu mengadakan satu program ataupun satu jadual yang

tepat, yang mudah supaya siapa sahaja yang ingin memohon untuk melibatkan diri dalam bidang industri kecil dan sederhana ini tidak payah melalui berbagai-bagai karenah untuk menyelesaikan masalah mereka ini. Ada kawan saya, dia berniaga, dia memohon lesen sahaja memakan masa selama setahun daripada Januari 1994 hingga Julai 1995 selama setahun lebih baru hendak dapat kelulusan, itu pendaftaran sahaja. Jadi, kalau di sini sahaja, semangat mereka ini akan luntur. Saya mencadangkan bahawa apabila perbadanan ini meluluskan permohonan-permohonan ini, pendaftaran dengan semudahnya melepaskan pendaftaran tersebut, tidak payahlah dok 'go through' lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang badan yang ini kuasa yang lain, agensi yang ini kuasa yang lain, kadang-kadang tidak selaras, berlaga sesama kawan, inilah masalahnya Tuan Yang di-Pertua. Jadi, bila berlaga yang aniyanya hak yang hendak cuba berniaga 'sekupang dua' ini. Jadi, hak ini, Tuan Yang di-Pertua, kita kena pastikan supaya jangan ada kesusahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap, bahawa badan ini juga kalau boleh meng'indentified'kan benda-benda dan memberi nasihat kepada syarikat-syarikat yang ingin melibatkan diri ini, supaya jangan mereka apabila kadang-kadang seseorang itu sudah ghairah hendak berniaga, orang mai cerita kepada dia....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua: Sila.**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Penghargaan kepada pan-

dangan Ahli Yang Berhormat dari Yan. Nampak gayanya ini pandangan yang kedua dalam akta ini? (*Ketawa*)

Tadi, masalah pertindihan, saya pun tadi bercakap membangkitkan perkara yang ini juga, adakah Ahli Yang Berhormat boleh bersetuju supaya perbadanan ini mewujudkan satu jawatankuasa penyelarar diambil wakil-wakil duduk sekali dalam jawatankuasa itu. Sebab dalam lembaga itu mungkin tidak ada tempat dan ruang, tetapi penyelarasan ini mungkin diadakan melalui satu badan yang agak formal dalam pentadbiran perbadanan ini. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Yan boleh bersetuju dengan pandangan ini? Minta penjelasan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Tuan Yang di-Pertua, para yang kedua, ucapan saya hendak masuk perkara yang itulah. Tetapi dia cepat sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Tuan Yang di-Pertua, takut saya terlupa, memang patut. Kalau Majlis Daerah, dia kena duduk dalam itu, kalau Jabatan Alam Sekitar kena duduk dalam itu dan agensi-agensi yang lain. Jangan seperti saya faham, kadang-kadang saya biasa duduk dalam Majlis Kerajaan Tempatan, seseorang yang hendak membina rumah, jawatankuasa itu dok ada dah dalam Majlis Perbadanan. Tetapi fail rumah itu hendak kena hantar balik kepada satu satu agensi, dia kena hantar ke Bomba, Bomba hantar balik. Hantar ke Jabatan Elektrik, Jabatan Elektrik hantar balik, sedangkan depa itu duduk dalam satu kelambu dah. Balik pi hendak cerita lagu lain pula. Jadi, benda yang boleh selesai dalam masa seminggu,

dia jadi sampai kadang-kadang setahun. Jadi, masa itu emas, bukan boleh main-main dan 'emas' itu kita kena jagalah baik-baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup bersetuju dengan Rompin itu. Jadi, saya harap kementerian cuba masuk sedikit nota itu, kot-kot terlupa!

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu, kita kena beri insentif yang banyak terutama sekali pemasaran. Hari ini kalau kita tengok, kerajaan bantu rakyat ini tak ada dah dalam dunia ini. Sampai burung puyuh pun kerajaan beri 'free' ini, Tuan Yang di-Pertua, hendak cari dunia mana? Itu pun dengan burung, telur puyuh pun depa jual habis – itu cara kita pula. Kemudian minta lagi, itu pun kerajaan beri. Kerajaan beri banyak mesin-mesin untuk orang membina industri-industri makanan di luar bandar. Bila saya tengok keadaan macam ini, saya hendak tolong FAMA, kita ambil alih pemasaran barang-barang depa, Tuan Yang di-Pertua. Ini segala 'mak long', 'mak ngah' ini dok berniaga kuih, dok buat kopi, dok buat dodol di kampung, kadang-kadang mereka buat dodol di Alor Setar hanya di kawasan Alor Setar sahaja yang boleh dipasarkan tak sampai ke Kuala Lumpur. Buat dodol di Melaka hanya Kota Melaka sahaja yang makan, tak sampai Kuala Lumpur, tak sampai Johor, tak sampai Sabah, tak sampai Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hari ini Tuan Yang di-Pertua hendak pergi ke London atau Amerika, singgah di lapangan terbang tengok kedai FAMA, dodol kita jual di situ. Dan Jepun paling banyak makan dodol.

**Datuk Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Yan. Kita sekarang membahaskan Akta IKS, adakah kita juga menyentuh soal FAMA?

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kawan ini, kita hendak 'perangkat' sedikit pun dia tidak beri, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cerita ini sebelum itu, saya ini Pengerusi FAMA, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Amboi! Sebenarnya dia hendak tolong saya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi FAMA ini kita kena buat macam itu. Jadi, saya mahu badan ini dia ada satu unit pemasaran barang-barang selain daripada kita 'supply' atau kita bekal kepada pengilang-pengilang besar. Ini hak yang kita hendak jual dalam negeri ini pun kena ada satu badan pemasaran ataupun unit pemasaran di sini supaya barang keluaran-keluaran mereka ini boleh dipasarkan. Macam kita pergi keluar negerilah, Tuan Yang di-Pertua, manisan lebah! Kita pergi ke Australia, saya tak biasa pergi, dengar orang cerita sahaja. Pi ke Australia, manisan lebah itu cukup bagus, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagus untuk apa itu?

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Ha! Tuan Yang di-Pertua, yang ini Tuan Yang di-Pertua kena beri 'pengeras' baru saya boleh 'khabaq' Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Dia ada manisan lebah, jadi bila 'tourist' balik, mereka bawa balik manisan lebah daripada Australia dengan sarang-sarang lebahnya sekali, Tuan Yang di-Pertua, cukup bagus! Dia bukan kira umur, makan hak itu. Jadi, hak lain-lain ini, Tuan Yang di-Pertua, takut masuk dalam *Hansard* nanti.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Saya minta penjelasan sedikit, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Yan ini engkar daripada pandangan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua bertanya tadi, tentang khasiat manisan lebah itu? Dewan pun hendak mendengar juga ini. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Tuan Yang di-Pertua, manisan lebah saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun dok amal juga, kalau tidak macam mana Tuan Yang di-Pertua boleh sihat sampai macam ini? (*Ketawa*)

Jadi Tuan Yang di-Pertua lebih lama lagi daripada saya. Kalau Rompin hendak tahu keluar Dewan sat lagi, belanja teh tarik segelas saya akan cerita fasal kawan-kawan. Kalau lain daripada kawan 'pengeras' RM1.50 sen, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, dari segi bantuan promosi ini, pemasaran ini dan saya berharap kalau boleh agensi-agensi kerajaan yang pergi keluar negeri ini kita indentifiedkan bawa kawan-kawan kita untuk melihat di luar negeri apakah barang yang perlu kita pameran. Kadang-kadang kita pergi ke pameran antarabangsa, benda yang boleh kita dapat di sini, tetapi tidak terfikir oleh rakyat kita, negara-

negara lain dok buat sedangkan di dalam kampung kita macam-macam, ada yang boleh kita gunakan melalui IKS ini untuk ini untuk mencari perniagaan yang menguntungkan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Yan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Saya tertarik dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Yan tadi, tentang pemasaran alat-alat perkara-perkara yang dibuat, diusahakan oleh IKS ini. Kita dengar MATRADE banyak mengadakan exhibitionnya di luar negara. Memang kita bangga MATRADE ada menjemput industri-industri kecil ini. Dan saya kadang-kadang terdengar keluhan mereka IKS ini yang mengatakan mereka mahu mengikuti rombongan usaha kerajaan untuk mempamerkan kerja-kerja atau alat-alat yang kita buat, namun demikian sebagai IKS, sebagai pengusaha kecil mereka tidak mampu. Adakah kerajaan hendak menimbang dalam kita hendak membantu perbadanan IKS ini cuba bantu juga cara mereka atau usaha mereka untuk mempamerkan alat-alat dan barangan mereka itu? Maklum sahajalah, hendak pergi ke London, hendak pergi ke Europe itu mahal, hotel di Germany pun kadang-kadang RM400 semalam, kalau distandardnya mungkin RM60 sahaja di sini. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Yan bersetuju, kita beri sedikit subsidi,

bantuan kepada IKS ini, jadi mereka boleh mempamerkan alat-alat mereka dan menyertai rombongan-rombongan di luar negara ini? Saya minta pandangan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju. Fasal apa, kita tengok sekali lagi saya bercakap fasal FAMA ya, Ahli dari Bagan Datok ya? baru-baru saya pergi ke Stoneley di London, kita buat....

**Seorang Ahli:** (*Menyampuk*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Tuan Yang di-Pertua, ya ke London, kita buat pameran, menyertai pameran antarabangsa dari segi pertanian dan juga barang-barang pertanian. Saya bawa buah rambutan, saya bawa buah-buahan tempatan dan bunga-bunga.

Tuan Yang di-Pertua, buah rambutan di London, saya jual 8 biji satu pound, 8 biji RM4 duit kita. Bila orang putih tengok buah ini, dia kata buah apa ini? Saya khabaq: buah rambutan dia tak faham, saya kata: "This is the hairy fruit". (*Ketawa*). "Oh! hairy fruit?" dia kata. "I would like to try!". "Okay!", saya kata - potong! Dia makan-makan, Tuan Yang di-Pertua, dia kata: "Delicious!". Dia beli. Jadi, kita tolong promotekan benda-benda macam ini. Kita bawa barang-barang makanan yang diusahakan oleh bumiputera-bumiputera di luar bandar dan sebagainya. Alhamdulillah!

Tuan Yang di-Pertua, sekaya yang kita dok makan dengan roti ini, orang putih di sana, dia jilat jari makan sekaya kita. Dia kata: "Delicious". Depa ini beri apa pun 'delicious', Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Jadi, promosi itu mustahak, Tuan Yang di-Pertua, badan inilah yang kena promote. Perbadanan ini kena promote barang-barang industri kecil ini, kerana maklumlah kalaulah kita buat kilang industri buat sekaya, hendak pi buat promotion sampai overseas di London apa semua mana ada modal? Kos tinggi, kita hendak masuk ke dalam supermaket mereka pun tak mampu, tetapi kalau agensi ini ada, ataupun perbadanan ini ada, mereka boleh masuk dengan pakej barang-barang yang lain dan buat promotion ataupun kita katalah hari ini – ‘Hari Industri Kecil dan Sederhana Malaysia’ kita buat di Australiakah, atau di Vietnamkah atau di manakah untuk kita pertingkatkan barang-barang ini, memperkenalkan ke seantero dunia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, lagi satu yang mustahak ialah skim kongsi ini kita kena wujudkan balik. Dalam perbahasan Dasar Kongres Ekonomi Bumiputera ke-3, kita bersetuju supaya diadakan kongsi sistem, bukan Ali Baba, kongsi maknanya joint venture. Saya sebenarnya tidak berapa suka perkataan kongsi, saya suka perkataan usahasama. Kongsi ini dalam bahasa Hokkien “Kong” itu “besar” dan “si” itu “mati”. “Kongsi”, kalau tak silap saya itu betul “kong” itu besar, “si” itu mati. Jadi, kita besar-besar – mati, hendak buat apa. Kita kongsi – kita usahasama. Kena usahasama (joint venture) di antara rakyat Malaysia. Orang Tionghua dengan Bumiputera, orang Tamil dengan Bumiputera, kena usahasama. Kalau kita boleh usahasama dengan Jepun dan dengan orang lain fasal apa kita rakyat di negari ini tidak boleh bekerjasama? Bila kita ada semangat macam ini, maka memudahkan lagi kerajaan untuk membantu.

Bila Jepun datang, kita buat joint venture dengan mereka, kita sepatutnya gunakan rakan-rakan kita dan rakyat kita ini buat usahasama dalam bidang ini. Kadang-kadang orang Tionghua cekap dalam bidang ini, kita satukan kemahiran orang-orang Melayu kita. Kita adakan satu pakatan yang baik dalam bidang ekonomi dan insya-Allah kalau ini berlaku, pengaliran duit kita ke luar negara tidak akan timbul, kita gunakan dalam negeri sahaja. Saya ucapkan tahniah kepada Perdana Menteri – GSP hendak ditarik balik, kita hendak hairankan apa? Kita kuat, go to hell to the American, dengan izin, minta maaf, saya marah sangat ini. Oleh sebab kita lantang mempertahankan Bosnia, kita lantang mempertahankan hak asasi manusia, mereka hendak ‘kerot’ kita atas GSP. Jadi, tidak patut, tetapi jangan kita hairan, kerana kita tahu hari ini ekonomi negara kita cukup kuat. Jadi, rakyat kena beri sokongan yang kuat kepada kerajaan – teruskan. Biarlah, Amerika hendak buat apa? Negara besar hendak buat apa? Kita jangan hairan kepada mereka. Tetapi kita dalam negara ini kena pakat elok-elok. Tionghulung dengan Honalalang, dengan izin, kongsi chok kang, cho seng li – itu kena beri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa maknanya itu?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, maknanya orang Tionghua dan orang Bumiputera pakat-pakat berniaga – balu tanwi – baru dapat duit itu, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Balu itu bahasa Cina jugakah!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Balu itu bahasa usahasama. Lagi satu dan yang terakhir, ialah dari segi



keuangan. Memanglah saya pun sebagai orang berniaga, memang susah. Kadang-kadang kita ceritakan kepada bank, mereka tidak faham. Pegawai-pegawai bank ini kadang-kadang mereka bukan berniaga, mereka bekerja. Depa pergi belajar ke sekolah-sekolah tinggi, pergi ke universiti-universiti di merata-rata ini cuma di atas buku sahaja. Tetapi kita yang berniaga ini, yang mengutip sekupang dua, sehari sedikit, sehari sedikit – adalah seksa, bukannya mudah. Kalau kita pergi cerita, dia kata tidak 'viable', suruh dia buat pun tidak boleh. Jadi, cuba minta seorang pegawai bank atau pengurus bank berhenti kerja sebagai banker atau manager pergi berniaga – kita tengok. Kalau tidak mengengkang di berjalan, dengan tidak mempunyai modal yang cukup. Begitu jugalah orang yang bekerja makan gaji – masuk berniaga bukannya senang. Hatta kita hendak mengambil duit orang ini bukan senang. P.R. kena bagus, kerja kena rajin, siang malam kena usaha, baru boleh berjaya. Kadang-kadang kita membuat kertas kerja, dia kata kertas kerja tidak bagus. Yang hendak buat kerja bukan kertas, tetapi kita. Kalau dok fikir kerja di atas kertas kerja orang yang membuat industri kecil ini bukannya berkelulusan tinggi sangat, kadang-kadang pengalamannya, Dia tidak pandai, balance sheet, itu dan ini sedikit – dia tidak berapa hendak faham, tetapi dia gagah pergi cari juru akaun atau akauntan dan sebagainya tolong buatkan – dia kena bayar duit. Bayar duit, kadang-kadang bank reject – not viable, kadang-kadang bila beri pula, tidak cukup – habis. Dia kata beri dahulu sedikit. Berniaga bukan boleh beri sedikit-sedikit. Kalau capital dia banyak itu diperlukan, kita kena beri dia biar cukup. Macam kita buat rumah, kalau beri setakat hendak buat

tiang, bumbung tidak beri, hujan datang, aniyalah kawan itu, takkan hendak duduk di rumah yang tidak ada bumbung.

Jadi, inilah perkara-perkara, di mana saya sebagai orang yang berniaga mempunyai pengalaman – macam-macam susahnyanya. Kadang-kadang tidur pun tidak lena. Kadang-kadang lena, tetapi mata sebelah pejam dan sebelah celik – dok fikir. Besok cek hendak .... dan sebagainya. Ini bukan boleh main-main. Jadi, saya harap perbadanan ini menjadi payung yang sebenarnya untuk memayungi industri-industri kecil ini supaya dengan wujudnya industri kecil ini kita selesai masalah sosial pekerja dan sebagainya di luar bandar. Seperti yang saya katakan kelmarin, kena masuk keluar bandar dan saya minta perbadanan ini memberi special bonus kepada syarikat-syarikat IKS yang hendak melibatkan diri di luar bandar. Kena beri special bonus supaya mereka dapat mengadakan pertumbuhan ekonomi di kawasan bandar. Kalau tidak, macam di kawasan saya, harapkan bendang – orang buat bendang dalam 6 bulan, dia kerja 3 bulan sahaja. 3 bulan lagi dia tidak buat kerja. Masa itu dia merungutlah – wakil rakyat tidak masuk kampung dan sebagainya, kita pula kerja banyak – fasal dia kerja tidak ada.

Jadi, kalau industri ini boleh pergi ke kawasan kampung, kita ada kawasan penempatan orang miskin dan sebagainya, maka wujudkan industri di situ dan mereka boleh bekerja. Nelayan misalnya, suami pergi ke laut, isteri dan anak-anak boleh kerja di kilang, dapat membantu si suami. Jadi, kita akan dapat mempertingkatkan ekonomi mereka. Jadi, kalau kita tolong yang ini, pertama, kita tolong pertumbuhan ekonomi di

luar bandar, keduanya yang mustahak, kita tolong orang-orang miskin. Bila kita tolong orang miskin, mereka akan berdoa kepada Allah s.w.t. supaya syarikat ini berjaya. Bila syarikat ini berjaya, maka kita bantulah mereka ini dengan elok dari segi sosial, pendidikan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi di dunia ini kita bukan boleh kira duit sahaja, kita kena kira di akhirat nun. Kalau kita mati bukan boleh bawa masuk cek embuk dalam tanah, tidak boleh, tinggallah. Saya tahulah, sebab saya sebagai wakil rakyat ini, kita semua selalu menziarah orang mati, rumah besar tara mana pun yang masuk papan 6 keping itulah. Keluarga cuma berteriak selama seminggu sahaja. Wakil Rakyat ini memanglah – berkhidmat sebagai wakil rakyat ini – saya hendak terangkan sedikit – ini terkeluar daripada IKS pahala pun dapat, kadang-kadang bala juga. Tetapi pahala dapat. Kita insaf banyak. Pertamanya, kita tengok orang miskin, tengok orang mati, berziarah orang sakit – jadi, ini membawa satu pengalaman kepada kita dan sebagai manusia kita kena banyak berjuang untuk orang yang miskin sama. Jadi, saya mintalah supaya badan ini beri priority ke luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya ingat setakat inilah sahaja, kerana banyak rakan-rakan saya hendak tunggu saya duduk kerana mereka hendak bangkit. Jadi, saya menyokong Akta Perbadanan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Gelang Patah.

4.17 ptg.

**Tuan Chang See Ten (Gelang Patah):** Terima kasih Tuan Yang di-

Pertua kerana memberikan peluang keemasan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana, 1995.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dan menyokong penuh cadangan Kerajaan Barisan Nasional untuk mewujudkan sebuah badan pengurusan khas untuk membantu para pengusaha yang terlibat dengan industri kecil dan sederhana di bawah Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana, 1995 yang sedang dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya institusi tersebut haruslah diadakan sejak dahulu lagi memandangkan sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah bilangan unit perindustrian di negara kita adalah tergolong dalam industri kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa kegiatan industri kecil dan sederhana di negara kita sentiasa dihantui berbagai-bagai masalah yang sukar untuk diselesaikan walaupun telah berlarutan bertahun-tahun. Ini telah mengganggu pertumbuhan industri kecil dan sederhana yang sihat dan wajar. Pada hakikatnya saya berpendapat jikalau sektor industri kecil dan sederhana gagal untuk maju bersama, peredaran masa, cita-cita negara kita untuk menjadi negara perindustrian yang moden juga tidak dapat dicapai sepenuhnya.

Salah satu masalah yang dihadapi oleh para pengusaha industri kecil dan sederhana adalah masalah untuk mendapatkan lesen perniagaan dari pihak berkuasa tempatan dan masalah kesukaran mendapatkan lesen ini pula berkaitan dengan ketidaksesuaian sesuatu premis itu untuk digunakan

sebagai tapak menjalankan kegiatan industri kecil dan sederhana.

Sehingga hari ini, kebanyakan industri kecil dan sederhana di negara kita dijalankan di rumah kedai, rumah kediaman atau di bangsal sementara yang dibina di atas tanah lapang atau tanah pertanian. Reka bentuk bangunan tersebut dan kedudukan premis itu tentulah tidak sesuai untuk kegunaan perindustrian.

Justeru itu, para pengusaha yang terlibat gagal untuk mematuhi segala kehendak-kehendak atau syarat-syarat yang dituntut oleh pihak berkuasa tempatan, oleh Jabatan Bomba, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kilang dan Jentera serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila sesuatu perindustrian itu diusahakan tanpa lesen, ini bererti kegiatan tersebut adalah haram dan banyak pula masalah lain yang turut timbul berikutan sifat haram ini, misalnya syarikat kewangan atau bank-bank tidak akan meluluskan pinjaman wang untuk perindustrian tanpa lesen. Apabila para pengusaha industri kecil dan sederhana yang pada asalnya sudah mengalami masalah modal yang terbatas tidak mendapat peluang pinjaman wang, mereka tidak akan dapat membeli jentera dan peralatan yang moden. Mereka tidak akan mampu membeli atau menyewa premis baru yang lebih sesuai untuk memperkembangkan perindustrian mereka. Mereka tidak akan mampu mengatur program latihan untuk mempertingkatkan kemahiran pekerja. Mereka tidak berupaya untuk mengadakan rancangan pemasaran yang berkesan. Mereka juga tidak mampu membeli bahan mentah dalam kuantiti yang banyak dan terpaksa menghadapi

kos yang lebih tinggi untuk membeli bahan mentah dalam kuantiti yang kecil. Bagi kegiatan industri yang mengeluarkan bahan-bahan buangan yang boleh mencemarkan alam sekeliling, para pengusaha juga terpaksa mengetepikan segala kaedah pelupusan yang wajar kerana kekurangan modal.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang saya sebutkan tadi bukan sahaja mengganggu pertumbuhan industri kecil dan sederhana semata-mata tetapi kesannya juga mempengaruhi masyarakat umum. Para penghuni di sekeliling bengkel membaiki kereta akan mengadu tentang gangguan kebisingan yang terlampau. Penduduk-penduduk berdekatan dengan kilang membuat perabot daripada bahan kayu akan mengadu tentang gangguan pencemaran udara dari habuk kayu. Parit-parit dan sungai-sungai berhampiran dengan perindustrian mencelup kain dicemari oleh afluen yang kotor menyebabkan gangguan bau dan ketiadaan kehidupan ikan akibat ketiadaan oksigen dalam air.

Akhirnya, penduduk-penduduk yang prihatin terhadap pemeliharaan alam sekitar akan mengadu kepada pihak berkuasa dan tentulah para pengusaha yang terbabit akan dikompaun, disaman atau diberikan notis memberhentikan perusahaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, para pengusaha industri kecil dan sederhana yang dikenakan tindakan penguatkuasaan terutama mereka yang diberikan notis pindah atau memberhentikan perindustrian akan meminta pertolongan wakil rakyat di kawasan mereka untuk memujuk pihak berkuasa supaya membatalkan notis perpindahan atau saman atau kompaun. Jikalau

wakil rakyat gagal untuk membantu mereka yang terbabit daripada tindakan penguatkuasaan, mereka akan dinilai sebagai wakil rakyat yang tidak berguna tetapi sekiranya kilang-kilang tersebut dibenarkan terus beroperasi dengan kerjasama daripada wakil rakyat, penduduk-penduduk tempatan yang tidak puas hati pula mungkin mendakwa pegawai kerajaan atau wakil rakyat telah menerima rasuah.

Ini telah menyebabkan wakil-wakil rakyat selalunya terperangkap dalam keadaan yang serba salah apabila didatangi pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana yang menerima notis pindah dan saya yakin rakan-rakan seperjuangan saya daripada Barisan Nasional yang berada dalam Dewan yang mulia ini juga mempunyai pengalaman yang sama dan sangat berharap masalah-masalah yang melibatkan industri kecil dan sederhana dapat diatasi secara sistematik dan efektif dengan pengwujudkan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana yang selama ini ditunggu-tunggu oleh semua pihak yang mempunyai kepentingan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan industri kecil dan sederhana di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya berharap landasan badan khas yang bakal ditubuhkan kelak tidaklah sama seperti dasar-dasar berkenaan industri kecil dan sederhana pada masa lalu. Memang tidak dinafikan bahawa kerajaan Barisan Nasional telah menggubal banyak dasar atau rancangan untuk membantu pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana pada tahun-tahun yang lepas tetapi disebabkan banyak faktor seperti prosedur yang

birokratik dan tahap pendidikan sebahagian para pengusaha yang rendah ditambah pula penyebaran tentang rancangan tertentu yang kurang menyeluruh telah mengakibatkan rancangan-rancangan pada masa lalu gagal mendapat respon yang menggalakkan daripada pengusaha-pengusaha terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau badan khas yang ditubuhkan bagi membantu para pengusaha industri kecil dan sederhana kelak diharapkan dapat mencapai objektif penubuhannya, perbadanan itu mestilah mempunyai kakitangan yang mencukupi. Kita perlu sedar bahawa kegiatan industri kecil dan sederhana di negara kita pada masa sekarang bertaburan di merata tempat dan masalah-masalah yang mereka hadapi pula ada yang serupa dan ada pula yang berbeza.

Justeru itu, jikalau kerajaan benar-benar berhasrat untuk membantu mereka, pegawai-pegawai dan kakitangan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana perlulah bertindak proaktif dan sanggup untuk meninjau dari semua kilang dengan pergi ke kilang bagi mengumpulkan maklumat-maklumat yang tepat dan banyak mengenai kedudukan Industri Kecil dan Sederhana sebelum memutuskan sebarang tindakan lanjut.

Saya berharap, kali ini pihak kerajaan jangan menunggu borang soal selidik dikirimkan kembali oleh para pengusaha Industri Kecil dan Sederhana, sebaliknya pegawai dan kakitangan perlu pergi sendiri ke tempat-tempat mereka untuk melihat dengan sendiri keadaan sebenar serta mendapatkan fakta-fakta yang berkaitan. Tanpa maklumat menyeluruh mengenai Industri Kecil dan Sederhana, tentulah rancangan yang bakal disusun

tidak akan dapat membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha Industri Kecil dan Sederhana ini dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana yang bakal ditubuhkan akan dapat bertindak sebagai pusat penyelaras seperti yang disebutkan dalam seksyen 12A Akta ini atau koordinasi bagi agensi-agensi kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Bomba dan Jabatan Kilang dan Jentera yang mempunyai hubungan yang rapat dengan Industri Kecil dan Sederhana.

Pihak Perbadanan juga boleh merancang pembahagian zon yang sesuai untuk industri yang tertentu setelah mendapat maklumat-maklumat yang mencukupi. Di samping itu, pihak Perbadanan juga boleh membantu menyediakan saluran pinjaman wang, mengatur rancangan latihan pekerja, menyediakan kemudahan pembelian bahan-bahan mentah dengan harga yang berpatutan, membantu menyusun strategi pemasaran, menyediakan logi pelupusan sisa toksik berpusat untuk zon industri tertentu setelah industri yang sama jenis ditempatkan di dalam satu kawasan yang sama dan bermacam-macam lagi kemudahan dan pertolongan yang boleh disediakan oleh Perbadanan yang akan dibentuk bagi membantu perkembangan Industri Kecil dan Sederhana dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihanraya umum yang lepas, Barisan Nasional bukan sahaja diberi mandat untuk terus menerajui jentera kerajaan, malah sokongan yang diberikan oleh rakyat jelata berbilang kaum juga telah bertambah dengan ketara. Saya

berasa, Kerajaan Barisan Nasional kali ini haruslah merangka dan mengatur langkah-langkah yang benar-benar dapat menyelesaikan masalah-masalah yang membekukan kemajuan bebas Industri Kecil dan Sederhana.

Kita juga perlu melihat masalah ini secara makro, iaitu sekiranya Industri Kecil dan Sederhana telah mempunyai satu persekitaran yang sihat dan bebas untuk berkembang maju, masalah-masalah lain seperti pencemaran alam sekeliling, perse-lisihan faham di antara pengusaha, penduduk, Wakil Rakyat serta pihak berkuasa juga dapat diatasi sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak bermakna sekiranya pihak kerajaan cuma menumpukan kepada beberapa organisasi perindustrian yang raksasa, tetapi pada masa yang sama melupakan tanggungjawab terhadap Industri Kecil dan Sederhana yang sebenarnya mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan hasrat kita untuk menjadi negara perindustrian moden kerana melalui penglibatan dalam sektor Industri Kecil dan Sederhana akan dapat melatih seseorang menjadi usahawan yang mampu menguruskan perdagangan antarabangsa dan pada masa yang sama Industri Kecil dan Sederhana memberi sokongan kepada perusahaan berskala besar yang memerlukan banyak barangan separuh siap.

Tuan Yang d-Pertua, saya ingin mengambil peluang keemasan ini sebelum saya mengakhiri ucapan saya untuk merayu bagi pihak semua pengusaha-pengusaha Industri Kecil dan Sederhana dalam negara kita ini. Memandangkan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana bakal ditubuhkan untuk menjaga kepentingan pengusaha-pengusaha

Industri Kecil dan Sederhana, saya sangat berharap segala tindakan memberhentikan Industri Kecil dan Sederhana kerana ketidaksesuaian premis yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan dapat ditangguhkan buat sementara waktu.

Pihak kerajaan patut berasa bertanggungjawab atas segala kesulitan yang dihadapi oleh semua pengusaha Industri Kecil dan Sederhana kerana kelambatan menubuhkan satu badan untuk menolong dan membimbing pengusaha-pengusaha Industri Kecil dan Sederhana dari semua aspek.

Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa tempatan dalam kawasan saya iaitu Majlis Daerah Johor Bahru Tengah pernah mengeluarkan notis berhenti atau berpindah kepada lebih 1,000 pengusaha-pengusaha Industri Kecil dan Sederhana dalam kawasan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah pada 15hb Oktober 1993 supaya semua Industri Kecil dan Sederhana yang dijalankan dalam kawasan rumah kedai diberhentikan atau berpindah dari premis rumah kedai sebelum akhir tahun 1993.

Dengan usahasama semua Wakil Rakyat dan Ahli-ahli Majlis Daerah Johor Bahru Tengah daripada Barisan Nasional serta pertolongan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada masa itu, notis-notis itu telah dibatalkan, tetapi pihak Majlis Daerah JBT menggunakan polisi yang diwujudkan dalam tahun 1990 untuk mengutip wang cagaran sebanyak RM2,000 atau RM3,000 dari semua pengusaha Industri Kecil dan Sederhana. Syarat wang cagaran ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pengusaha Industri Kecil dan Sederhana di kawasan itu.

Sebenarnya, dari segi undang-undang, memang tiada peruntukan dalam Akta Kerajaan Tempatan tahun 1976, Akta 171 dan Undang-undang Kecil Perlesenan Perniagaan (Trade) dan Industri Majlis Daerah JBT tahun 1982 untuk mengutip wang cagaran sebagai syarat perlesenan.

Oleh yang demikian, saya sangat berharap tindakan penyelewengan kuatkuasa yang di luar peruntukan undang-undang kecil patut dihentikan serta merta dan segala wang cagaran yang selama ini dikutip oleh Majlis Daerah JB Tengah patut dikembalikan kepada semua pelesen-pelesen Industri Kecil dan Sederhana dalam kawasan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah.

Dengan kata-kata yang demikian, saya akhiri perbincangan saya dengan sokongan kepada Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini demi kepentingan semua pengusaha-pengusaha Industri Kecil dan Sederhana.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Senai.

4.40 ptg.

**Tuan Lim Si Cheng (Senai):** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbincangan menyokong Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta Untuk Menubuhkan Industri Kecil dan Sederhana dan perkara yang berkaitan dengannya.

Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atas segala usaha yang dijalankan untuk memajukan perkembangan dan pertumbuhan industri kecil dan sederhana (IKS) agar industri-industri ini dapat memainkan peranan yang lebih menyeluruh dalam arus utama pembangunan sektor perindustrian negara.

Rang Undang-undang ini membolehkan kerajaan mengamalkan strategi yang lebih agresif untuk memberi sokongan kepada IKS demi mempertingkatkan kecekapan aktiviti-aktivitinya serta membenarkan pembangunan yang lebih teratur di sektor ini. Adalah menjadi satu hakikat bahawa kerajaan telah lama memberi sokongan kepada IKS dan perakuan mengenai peranannya yang semakin penting dalam usaha negara mencapai status sebuah negara industri semakin menjadi ketara dan jelas. Di negara ini IKS mengandungi 92.7% jumlah badan pembuatan di mana daripada jumlah tersebut, 18% terlibat dalam sektor pembuatan logam, jentera dan peralatan. Rang Undang-undang ini bertujuan memperkukuhkan IKS dengan mendirikan satu perbadanan pembangunan untuk menyelaraskan segala aktiviti mereka. Dengan penubuhan perbadanan ini, peranan perbadanan ini akan memberi pengaruh dan implikasi yang luas ke atas pembangunan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa wujud peluang dan kesempatan yang sungguh meluas bagi IKS berkembang memandangkan pertumbuhan ekonomi negara yang pesat. Sebahagian besar IKS telah dapat mengambil kesem-

patan peluang yang wujud itu atas berbagai-bagai sebab dari segi menikmati kemudahan kewangan, kekurangan keupayaan teknologi yang canggih, kemudahan perhubungan dan linkages dengan industri yang lebih besar. Penghasilan di bawah kapasiti hasil keluaran yang rendah mutunya serta kurangnya daya motivasi dan dorongan untuk mencari pasaran baru akan dapat membawa ke arah pertumbuhan peluang yang menyeluruh.

Penubuhan Perbadanan Pembangunan IKS ini membayangkan satu keperluan kerajaan dalam arah memajukan sektor industri ini. Yang lebih penting ialah peranan yang perlu dimainkan oleh IKS dalam keupayaan dan kemampuan mencari dan mengambil kesempatan yang ada. Adalah diharapkan melalui perbadanan baru ini segala usaha dapat dipusatkan untuk menghadapi segala isu dan cabaran yang akan wujud, yang bakal dihadapi oleh pihak berkuasa yang relevan dan IKS. Adalah juga diharapkan perbadanan ini akan dapat memainkan peranan menyelesaikan masalah yang lama dihadapi oleh pihak IKS. Antara masalah-masalah yang dihadapi itu termasuk pengumpulan data dan statistik yang terbaru dan tepat mengenai IKS. Aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta pencarian pasaran asing yang baru untuk hasil keluaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya walaupun dengan sokongan padu yang diberikan oleh Dewan yang mulia ini kepada Rang Undang-undang ini amat penting, namun demikian adalah elok jika kita ambil ingatan bahawa penubuhan perbadanan ini hanya satu langkah kecil dan usaha-usaha yang lebih gigih perlu diambil

untuk mencapai segala matlamat perbadanan ini.

Perlantikan yang sesuai perlu diambil dan segala jurang antara langkah-langkah polisi dan ekspektasi perlu dirapatkan dengan kerjasama dan penerimaan antara perbadanan dan IKS perlu dikaji kerana ia akan menentukan kejayaan atau kegagalannya. Biarlah saya memberi satu contoh merapatkan jurang antara langkah-langkah, polisi dan ekspektasi. Pihak kerajaan telah memberi ketutamaan dan sokongan kewangan kepada IKS melalui berbagai-bagai kemudahan kredit yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan. Kerajaan juga telah mengumumkan awal tahun ini bahawa hanya 18% seluruh IKS yang dibanci sedar akan wujudnya kemudahan kredit itu. Sektor IKS pada masa kini menghadapi masalah dan rintangan dalam bidang penguurusan, pengeluaran, pemasaran, teknologi dan mutu keluaran serta kekurangan sumber-sumber kewangan. Ada setengah-setengah IKS beroperasi di tapak-tapak kilang yang tidak sah kerana kekurangan tanah. Bantuan kewangan, masalah perlesenan serta kelembapan birokrasi kerajaan negeri dalam mengendalikan kes-kes tersebut. Dengan penubuhan Perbadanan Pembangunan IKS ini adalah diharapkan akan wujud kerjasama....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya sahabat saya dari Senai. Jika sekiranya pengwujudan industri kecil dan sederhana ini di kawasan yang tidak di-

gazetkan di kawasan perindustrian mendapat satu kawasan alternatif yang baru yang disiapkan dengan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan, adakah mungkin orang-orang yang beroperasi menerusi rumah dan kawasan terkeluar daripada zon perindustrian ini mahu ataupun kita harus memberi dorongan kepada mereka berpindah ke kawasan baru.

**Tuan Lim Si Cheng:** Rundangan perlu dibuat dan saya akan bangkitkan perkara ini nanti. Dengan wujudnya Perbadanan Pembangunan IKS ini sebagai yang saya katakan, adalah diharapkan akan wujud kerjasama dan penyelarasan yang lebih lengkap dan menyeluruh dalam penyelesaian masalah-masalah yang dihadapi oleh IKS itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang saya ingin bangkitkan ialah Perbadanan Pembangunan IKS tersebut perlu dapat menyelesaikan segala masalah dan kepincangan yang dihadapi oleh IKS dengan segera dan licin. Ini bermakna perbadanan tersebut perlu bersifat cekap, berkesan dan dinamik. Adalah juga dicadangkan bahawa para pegawai perbadanan tersebut perlu mengamalkan konsep turun ke padang agar mereka sentiasa sedar dan memahami masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh IKS. Dengan cara ini, para pegawai tersebut akan dapat menyelesaikan masalah dengan lebih cepat dan berkesan.

Selain daripada itu, Perbadanan Pembangunan itu boleh dijadikan sebagai satu pusat pengajian di mana inovasi, teknologi, kemahiran teknikal dan nasihat dapat disampaikan kepada IKS. Ini amat penting kerana ketika negara sedang mengalami kekurangan tenaga mahir dan negara pula sedang



membangun dengan pesat sekali, IKS mesti dapat menyesuaikan diri dengan keadaan semasa. Mereka tidak boleh lagi menjadi buruh intensif dan perlu bertukar menjadi teknologi tinggi agar hasil keluaran mereka setanding dengan syarikat-syarikat antarabangsa dan dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Dalam hal ini, perbadanan tersebut perlu mendapat khidmat nasihat pakar-pakar perunding yang dapat membantu pembangunan IKS. Namun demikian, untuk membolehkan IKS berkembang maju mereka memerlukan bantuan kewangan. Oleh itu, adalah diharapkan perbadanan tersebut mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi agar mereka dapat menjalankan projek-projek membantu IKS dengan cepat, senang dan berkesan. Di samping itu, oleh kerana kebanyakan IKS adalah cottage industry, dengan izin, dan milikan keluarga, mereka kekurangan modal untuk berkembang. Oleh yang demikian, bank-bank perniagaan perlu juga turun ke padang untuk menyampaikan kemudahan kewangan dan kredit yang terdapat supaya IKS dapat tahu di mana dan apakah jenis bantuan yang dapat diperolehi untuk membantu mengembangkan industri IKS mereka.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana sebahagian institusi kewangan telah dapat membuat demikian. Di samping itu, oleh kerana kebanyakan IKS adalah daripada individu-individu industri yang berasingan dan terpencil, Perbadanan Pembangunan IKS ini perlu bekerjasama dengan mereka agar perhubungan antara mereka berdua itu erat dan licin. Oleh yang demikian, cadangan kerajaan untuk menubuhkan Perbadanan ini jelas membuktikan

kerajaan amat peka dan bersungguh-sungguh menangani sumbangan IKS terhadap perkembangan dan pembangunan sektor industri negara. Maka saya merayu kepada pihak agensi kerajaan yang berkenaan agar memberhentikan segala tindakan ke atas IKS yang menghadapi masalah penyelesaian tapak IKS dan sebagainya untuk sementara waktu supaya segala masalah ini dapat diselesaikan melalui Perbadanan Pembangunan IKS yang baru ini.

Sukacitalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, IKS telah menubuhkan persatuan mereka masing-masing bertujuan untuk memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada ahli-ahli mereka. Adalah diharapkan supaya Perbadanan Pembangunan IKS akan berhubung rapat dengan persatuan-persatuan ini. Saya yakin dan percaya dengan adanya kewujudan perhubungan yang rapat ini, seminar-seminar, kursus-kursus akan dapat dianjurkan bersama demi kepentingan dan kemajuan IKS di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai di antara rakan kita akan berucap, jadi dengan kata-kata ini saya memohon menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nampaknya ramai lagi yang hendak berucap. Oleh kerana kesuntukan masa, jadi saya terpaksa menghadkan bilangan ahli yang akan diberi peluang untuk berucap kepada 3 orang. Kota Melaka.

4.55 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih

kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk membolehkan saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan IKS 1995.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin bertanya pihak kementerian tentang kesan daripada keputusan Amerika Syarikat untuk menarik balik sistem keutamaan am atau GSP kepada negara Malaysia yang akan berkuatkuasa pada tahun 1997. Ini adalah kerana kebanyakan daripada eksport-eksport kita kepada Amerika Syarikat adalah terdiri daripada sektor pembuatan dan memandang bahawa IKS merupakan bahagian yang utama dalam sektor pembuatan setakat 92.7% sektor pembuatan terdiri daripada IKS, saya rasa kesan daripada penarikan balik GSP ini adalah sangat besar. Saya amat kecewa dengan kenyataan yang dibuat oleh Menteri Luar Negeri, Yang Berhormat dari Kepala Batas, bahawa negara Malaysia akan menerima penarikan balik GSP dan tidak akan membuat rayuan supaya penarikan balik ini dibatalkan.

Di sini saya hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, adakah negara Malaysia sudah menjadi sebuah negara maju? Kalau Malaysia sudah menjadi sebuah negara maju, dengan kata lain, graduated to develop economy status. Kalau begitu, saya rasa kita tidak ada alasan langsung untuk mengekalkan 'GSP preferences' atau keistimewaan di bawah GSP. Tetapi kalau kita belum mencapai tahap itu, kenapakah kita angkuh sangat? Kata tidak perlu GSP dan tidak akan merayu langsung dan akan menerima sungguhpun masih belum graduate, dengan izin.

Saya ingin bertanya pihak kementerian, apakah pendirian pihak kementerian tentang kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ini? Memandangkan bahawa Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri sendiri mengatakan bahawa adalah tidak adil penarikan balik dibuat memandangkan kriteria atau yardstick yang digunakan untuk menentukan sama ada sesebuah negara berkelayakan menikmati GSP ini ialah tentang per kapita GNP negara tersebut.

Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat dan pihak kementerian, 4 negara di mana GSP mereka ditarik balik iaitu Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura, keistimewaan GSP mereka ditarik balik hanya selepas mereka mencapai per kapita GNP sebanyak US\$8,000. Kalau begitu, mengapakah apabila per kapita GNP negara Malaysia setakat US\$3,400, mengapakah kita pula menerima apabila tindakan sedemikian diambil oleh Amerika Syarikat? Bukankah Amerika Syarikat mengamalkan tindakan 'double standard' terhadap Malaysia, menghukum atau dalam istilah yang lebih berdiplomatik, berpilih-pilih - selective in its enforcement of GSP Preferences to developing countries.

Saya ingin merayu di sini, Tuan Yang di Pertua, bahawa negara kita berusaha berjuang untuk mengekalkan keistimewaan GSP. Kalau tidak, saya amat kawatir kesan yang amat besar ke atas ekonomi negara kita khususnya IKS yang sangat memerlukan tarif istimewa sama ada 2% atau 0% untuk membolehkan industri kita berdaya saing dengan keluaran-keluaran oleh negara-negara maju di pasaran Amerika Syarikat.

Saya ingin mengingatkan pihak kementerian dan juga mungkin Yang Berhormat Menteri Luar Negeri bahawa negara-negara seperti Korea Selatan, Singapura, Hong Kong dan Taiwan yang merupakan the tigers, the little dragons ekonomi negara Asia berjaya mencapai status negara maju kerana bergantung dengan keistimewaan GSP ini dan selepas berjaya barulah mereka graduate, dengan izin, dan tidak memerlukan keistimewaan ini. Kalau kita belum sampai graduate ini, kita benarkan.....

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** *(Bangun)*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ada 2 orang peminat. Ya Timbalan Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Seorang peminat, pengganti Tan Sri Rahim, saya lebih suka.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat dari Kota Melaka telah jelas mengatakan iaitu bahawa alasan GSP ditarik balik terhadap 4 negara tigers tadi tidak merupakan alasan mengapa Malaysia tidak diberikan GSP. Tidakkah Yang Berhormat fikir mungkin ada alasan yang lain mengapa GSP tidak diberikan kepada kita lagi?

**Tuan Lim Guan Eng:** Memang saya bersetuju kerana pendirian kita dalam isu Bosnia-Herzegovina, kita dijadikan syarat untuk mengekalkan GSP - saya bersetuju kita menyerahkan ataupun melepaskan keistimewa-

an GSP, tetapi alasan yang diberikan oleh Amerika Syarikat bukan sebodoh itu. Mereka tidak menyatakan kerana pendirian Malaysia tentang isu Bosnia-Herzegovina, mereka menyatakan kerana extraordinary success yang dicapai oleh Malaysia dan juga kerana budget deficit di Amerika Syarikat. Tetapi saya rasa kalau itulah sebab secara rasmi, kita tidak boleh tunduk....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau dia nyatakan..... nanti saya habiskan ini, sekejap sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Parit Sulong, bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau Amerika Syarikat cakap extraordinary market success or economy success, saya rasa kita mesti berlawan habis-habisan, kerana kita masih belum mencapai satu garis panduan, satu kriteria yang ditetapkan sendiri oleh Amerika Syarikat. Amerika Syarikat hipokrit, kita tahu, hipokrit besar dunia, tetapi adakah kita sendiri akan melepaskan tanpa sebarang tuntutan supaya kita mengekalkan GSP?

**Beberapa Ahli:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ya ada tiga orang peminat di sini. Parit Sulong bangun dahulu. Hendak beri jalan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya kawan Parit Sulong.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, everything keep a side, segala argument

yang diketengahkan oleh Kota Melaka tadi ada validitynya dan mungkin ada tidaknya, that is on right, dengan izin. Saya cuma ingin mendapat penerangan dari Yang Berhormat dari Kota Melaka, adakah benar negara-negara seperti Taiwan dan Korea menjadi tigers, dengan izin, semata-mata oleh kerana mereka dilindungi oleh GSP ataupun mungkin mereka terdiri dari orang yang memang fully motivated dan mereka mempunyai strategi, mereka mempunyai komitmen nasional dan mereka mempunyai satu daya juang yang kuat? Ini adalah juga ciri-ciri yang kita amalkan sekarang dan adakah Yang Berhormat, sekiranya Amerika Syarikat akan terus menekan kita dengan GSP, adakah kita mahu didorong dan sentiasa diperangkap dengan 'psychology of being suppressed, dengan psychology of being let into frustration' selama-lamanya? Oleh kerana Amerika Syarikat tidak mahu GSP, we keep on haughty, that we must, kita mesti ada GSP dan dengan itu kita lupa bahawa sekurang-kurangnya sebagaimana yang dijelaskan oleh Presiden Pengeluar-pengeluar Malaysia semalam. Kita sekarang mempunyai satu signal bahawa kita akan berhadapan dengan realiti, kita tidak akan mempunyai GSP, tidak akan mempunyai perlindungan GSP dan sekurang-kurangnya the early warning akan membuatkan kita menjadi lebih bersiap sedia. Mungkin kalau strategi dan dasar kita yang agak masih longgar, kita perketatkan dari sekarang dan mungkin juga ini satu blessing that, yang kita akan leap forward dengan lebih awal daripada apa yang ditargetkan oleh Amerika. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasihlah atas pandangan Yang Berhormat dari Parit Sulong. Saya rasa dia ikhlas tentang perlunya kita berdikari dari

segi ekonomi. Tetapi dalam dunia perniagaan kalau kita boleh mendapati sebarang keistimewaan, saya rasa kita boleh menggunakannya. Mengapa kita tidak menggunakannya? Malah negara-negara "tiger" di Asia, seperti Korea Selatan, Singapura, Taiwan dan Hong Kong bukan bergantung semata-mata kepada GSP ini kerana ada banyak faktor lain. Dari segi industrinya ada leakages, dengan izin, support industries and total factor productivity mereka pun sangat tinggi. Tetapi tidak boleh dinafikan bahawa GSP ini memberikan launching pad, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, booster ke atas ekonomi mereka untuk terbang, untuk menjadi sebuah negara maju, untuk menjadi tiger di Asia.

Saya tidak nampak mengapa bila kita mula mencapai status negara maju, mengapa kita mesti melepaskan keistimewaannya yang telah diberikan kepada semua negara-negara membangun?

Saya amat kesal bahawa negara Malaysia yang sebelum ini mempertahankan keistimewaan GSP seakan-akan tidak serius tentang kehilangan keistimewaan ini. Saya rasa adalah sangat perlu bahawa kita cuba sedaya-upayanya untuk mengekalkan, kalau tidak saya rasa kesan yang serius adalah amat besar. Kalau kita belum terbang....

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr. Ting Chew Peh):**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat ada yang bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti sekejap. Kalau kita belum boleh berjalan, macam mana kita hendak terbang

atau berenang. Itulah hujah utama saya tentang perlunya kita mempertahankan keistimewaan GSP. Saya rasa hujah yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah amat tepat pada masanya. Itu kita masih belum graduate. Per kapita GNP US\$3,400 bukan US\$8,000 mengapakah negara yang sebelum ini telah graduate, dengan izin, degradate apabila per kapita GNP US\$8,000. Kalaulah inilah sebab secara rasminya kita mesti memperjuangkan untuk mempertahankan hak kita dan dari segi komponen eksport-eksport negara ke Amerika Syarikat yang bergantung GSP ialah sebanyak 28% daripada semua import GSP ke Amerika Syarikat dan merupakan jumlah sebanyak RM 5 billion.

Saya khuatir kalau GSP ditarik balik apakah akan terjadi kepada eksport RM5 billion ini kepada pasaran Amerika Syarikat. Bolehkah kita mampu berdaya saing?

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:**  
(*Bangun*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Okay, baik.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menimbulkan dua perkara yang ingin saya mendapat penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat.

Pertamanya dari segi politik, seperti yang kita tahu dalam sejarah GSP di antara Malaysia dengan US sudah beberapa kali, sejak beberapa tahun kebelakangan ini ugutan untuk menarik balik GSP ini sudah dikenakan ke atas Malaysia. Dan setiap kali ditimbulkan kadang-kadang atas isu environmental dan kadang-kadang atas isu labour practises, kemudian

kita kena pergilah menyembah balik dekat Kongres Amerika Syarikat. Maka sebagai sebuah negara yang merdeka, sebuah negara yang sovereign, yang berdaulat, yang ada maruah, adakah kita hendak atau masih lagi terima mentaliti bahawa kita sentiasa kena subservient kepada pemberian itu. Walhal pemberian itu pun kalau Yang Berhormat teliti sebenarnya preference itu pun bukan sebanyak mana sangat, kalau tidak silap saya preferencenya dari segi tarif hanyalah dalam 5% atau 10% sahaja.

Yang keduanya, dari sudut ekonomi. Katakanlah kita terima bahawa GSP ditarik balik. Sepatutnya kita menunjukkan satu sikap bahawa kita yakin dengan kebolehan kita untuk bersaing dan kita mengambil kehilangan GSP ini sebagai satu opportunity untuk kita restructure perindustrian kita, kita restructure kita punya keperluan tenaga manusia, berhadapan dengan cabaran yang ada dengan penuh yakin dan kebolehan kita sendiri dan terus. Mengapakah kita hendak pergi minta sedekah dan memohon untuk berada dalam suatu keadaan yang terlindung sampai bila-bila. Saya bersetuju bahawa ada kerugiannya Tetapi atas dua prinsip tadi, saya tidak berapa bersetuju dengan Yang Berhormat yang begitu ghairah cuba mempertahankan juga GSP ini walaupun Yang Berhormat sendiri mengakui bahawa United State mempraktis discriminating application. Dia discriminate dari segi application GSPnya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang kita timbulkan ialah bukan sahaja dari segi national sovereignty tetapi juga tentang economic sovereignty. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat boleh membezakan kedua-dua konsep ini.

Tetapi kalau sesuatu amalan perdagangan adalah tidak adil dan untuk mempertahankan kedaulatan kita, kita tidak membuat sebarang bantahan. Apakah gunanya Malaysia menyertai World Trade Organisation (WTO)?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Biarlah saya habiskan dahulu dan nanti saya akan berikan peluang. Apakah gunanya kita menyertai World Trade Organisation di mana saluran-saluran ditetapkan untuk mempertahankan amalan-amalan perdagangan yang tidak sihat. Oleh itu, apa yang saya hendak timbulkan ialah, kalau Amerika Syarikat menetapkan syarat bahawa jika hendak terus mengekalkan GSP, kita mesti mengubah pendirian kita tentang Bosnia, saya bersetuju. Kita tidak berganjak satu inci pun dan tetap dengan pendirian dalam isu Bosnia. Kalau GSP hendak dia tarik balik, biar ditarik balik. Demi prinsip, kita korbankan kepentingan kita sendiri. Tetapi kalau sebab yang diberikan oleh Amerika Syarikat bukanlah tentang isu Bosnia tetapi tentang isu ekonomi dan kita belum sampai status yang diperuntukkan, yang ditetapkan dalam rangka kriteria GSP ini saya tidak nampak kenapa kita tidak mahu mempertahankan GSP ini dikekalkan. Itu yang saya tidak faham. Oleh sebab itu saya rasa adalah penting kita meminta Amerika Syarikat memberikan satu penjelasan yang tuntas (consistent) apakah sebab sebenarnya. Kalau Yang Berhormat seorang Timbalan Menteri menyatakan tentang pendirian Bosnia, kita boleh beritahu rakyat bahawa

kerana pendirian Bosnia, GSP kita tidak tarik balik dan mendesak serta mencabar Amerika Syarikat mengesahkan perkara ini. Tetapi kalau itu bukanlah sebab rasmi...

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya akan beri tetapi nanti sekejap. Saya habiskan hujah ini dahulu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Menyampuk)

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu hak saya, Yang Berhormat! Kalau begitu, saya rasa secara rasmi Kerajaan Malaysia mesti menyampaikan kepada Amerika Syarikat kalau itulah sebabnya seperti yang disebutkan oleh seorang Timbalan Menteri Malaysia, "Amerika Syarikat mengambil tindakan seperti ini kerana pendirian kita tentang Bosnia. Kita mesti hentam cukup-cukup dalam Bangsa-bangsa Bersatu. Itulah rupanya Amerika Syarikat untuk menindas sebuah negara yang mengambil pendirian yang berprinsip tentang Bosnia." Kita harus buat begitu dan saya akan setuju. Tetapi kalau itu bukan sebab sebenarnya, mengapa kita tidak mempertahankan hak di mana kita mungkin mengalami kerugian yang amat besar dalam ekonomi Malaysia.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap lepas ini dia habis bercakaplah. Sebenarnya saya hendak minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Hari ini ada satu perubahan paradigma pandangan DAP terhadap GSP.

Apabila pemimpin tertinggi Kerajaan Barisan Nasional mengatakan, "we don't care less" mengenai GSP, dia pun dalam Dewan ini berapi-api membangkitkan bahawa kita harus fight habis-habisan, kita harus kutuk Amerika. Jadi, saya hendak bertanya kepada sahabat saya dari Kota Melaka, dahulu dalam masalah GSP yang selalunya dibangkitkan oleh Amerika adalah hasil desakan daripada kepimpinan kesatuan sekerja, (trade union) di Amerika sendiri – AFL, CIO dan sebagainya. Dengan satu desakan dalam negara ini yang terdiri daripada kesatuan-kesatuan sekerja – sesetengah kesatuan sekerja; I correct myself, dengan izin, yang terdiri dari kalangan pemimpin sesetengah Kesatuan Sekerja yang ada sebilangannya duduk dalam DAP yang hari ini tidak duduk lagi dalam DAP. Jadi, bagaimanakah pandang DAP terhadap hal ini? (*tepuak*) Kalau waktu itu dia diam, tidak bersuara langsung tetapi hari ini saya hairan mengapakah perkara ini harus berlaku? Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajar sedikit kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong bahawa DAP tidak pernah mengambil pendirian untuk menarik balik GSP. Saya tidak tahu di mana dia baca dasar DAP. Mungkin dari surat khabar yang dikontrol oleh pihak Barisan Nasional. Tetapi saya rasa paradine shift yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi, saya ingin hanya merujuk beliau kepada ucapan pelancaran sebuah buku oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam bahawa kebanyakan pemikiran "the so called intellectual" adalah amat lesu dan saya rasa apa yang kita nampak tadi adalah contoh yang paling baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak beri jalan, nanti saya tidak boleh habiskan ucapan. Tuan Yang di-Pertua, tentang competitiveness...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Parit Sulong, dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya sudah beri banyak chance.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan, Ahli Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Hanya isu GSP ini. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh pergi kepada Kedutaan Amerika Syarikat dan kalau dia hendak, saya boleh ikut sama dan sama-sama membantah tindakan yang diambil oleh Amerika Syarikat – "That is the price you have to pay for defending the rights of Bosnian to statehood and nationhood and we object in the strongest possible term".

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** (*Bangun*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Sila.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Tidakkah Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh baca, apabila bangkit soal GSP ini hendak ditarik balik oleh Amerika Syarikat, yang menjawab itu bukan daripada Menteri MITI, tetapi daripada Menteri Luar Negeri. Bermakna, sememangnya bahawa penarikan itu ialah atas dasar politik pendirian kita.



**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau begitu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, we need to tell the whole world dan memberitahu rakyat Malaysia kerana ini tidak terkeluar dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, hanya merujuk kepada keupayaan kita untuk bersaing tanpa GSP. Oleh sebab itu saya rasa kita perlu memberitahu seluruh dunia that this is the price we are paying to defend the right of the Bosnian. Kita mesti membawa isu ini dalam Bangsa-bangsa Bersatu, arahkan wakil kita menghentam Amerika Syarikat kerana sebuah negara hypocrite yang tidak ada berprinsip yang menggunakan kuasa mereka untuk 'bully', dengan izin, negara-negara berprinsip seperti Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tentang penglibatan IKS ini bolehkah saya tahu dari segi kerugian yang akan dialami oleh negara Malaysia hasil atau ekoran daripada penarikan balik GSP ini, khususnya kesan ke atas IKS. Saya harap pihak kementerian boleh memberikan angka-angka tentang penarikan balik GSP ke atas IKS.

Pada masa yang sama saya juga ingin merujuk kepada satu kenyataan yang diberikan oleh pihak kementerian tentang keperluan IKS memainkan peranan penting dalam industri sokongan.

Sungguhpun daripada semua sektor pembuatan, IKS merupakan 92.7%, tetapi hanya 18% daripada IKS terlibat dalam sektor industri yang penting, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, fabricated metal product, machinery equipment industries dan sebagainya. Hanya 8% daripada IKS mempunyai teknologi yang canggih dan maju. Tentang kesedaran IKS terhadap kemudahan-kemudahan yang diberi-

kan oleh kerajaan kepada mereka pun bukan tinggi sangat. Saya harap pihak kementerian boleh memberitahu Dewan yang mulia ini apakah langkah yang akan dibuat untuk membetulkan keadaan yang tidak berapa sihat ini. Saya tahu pihak kementerian telah mencadangkan beberapa langkah, tetapi sehingga hari ini kita tidak nampak sebarang hasil daripada langkah-langkah tersebut. Malah kita masih menerima aduan daripada pihak IKS bahawa pihak kementerian lebih berminat untuk menarik industri-industri besar daripada industri-industri sederhana dan kecil. Saya harap pendekatan yang lebih profesional dan juga sikap yang lebih serius boleh diambil supaya kita dapat memajukan sektor IKS ini yang sangat penting untuk pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya sama ada pihak kementerian bersedia untuk mengamalkan proses, dengan izin, ireregulation ke atas beberapa undang-undang yang menyekat open market atau competitive market, dengan izin, satu pasaran yang berdaya saing di negara kita. Sebagai contohnya, adakah pihak kementerian bersedia untuk menyemak semula struktur duti eksais yang dikenakan ke atas barang-barang keluaran seperti industri rotan, di mana sebarang pengeluaran kena membayar duti sebanyak, kalau tak silap diantara 10% hingga 20% dengan wang tunai, tak boleh hutang langsung. Ini membebankan pengeluar-pengeluar dalam industri ini kerana mereka perlu mengeluarkan wang dahulu, sedangkan sebarang penjualan adalah dalam bentuk kredit. Bolehkah peruntukan atau penyemakan semula ke atas duti ini dibuat. Kalau boleh, dibatalkan atau dimansuhkan sama sekali, kerana ini tidak akan membantu



usaha kerajaan untuk mempergiatkan bidang-bidang industri ini, di mana industri rotan sebagai contoh, kebanyakannya terdiri daripada IKS.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, di antara cadangan ireregulation, adakah pihak kerajaan melonggarkan syarat-syarat pegangan ekuiti? Seperti yang dimaklumkan oleh pihak kementerian ada banyak memorandum telah diterima mengenai perkara ini ialah tentang pegangan ekuiti yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Sebagai contoh ialah satu cadangan oleh Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia supaya jangan hadkan penyertaan ekuiti, di mana jika ekuiti asing kurang daripada 70% dan pelaksana projek tersebut adalah bumiputera, lebihan ekuiti yang ada harus diberikan kepada bumiputera juga. Bagaimanapun, jika projek itu dilaksanakan oleh bukan bumiputera, ia hanya akan diperuntukkan sebanyak 30% ekuiti, dan ekuiti selebihnya akan diberikan kepada bumiputera.

Berikutan itu, Tuan Yang di-Pertua, pelabur bukan bumiputera akan hilang hak untuk menguasai ekuiti dalam sesebuah projek dan tidak mendapat pengiktirafan keusahawanan dan inovasi walaupun telah memainkan peranan utama dalam sesuatu projek dan menanggung lebih banyak risiko termasuk sebagai penjamin-peminjam. Dasar usaha sama ekuiti yang ada sekarang juga tidak menggalakan usahawan bukan bumiputera untuk menyertai projek-projek pelaburan baru dengan rakan kongsi asing. Saya harap peraturan ini boleh dilonggarkan supaya kita tidak terjerat dengan kuota yang dikenakan ke atas ekuiti yang boleh dipegang oleh usahawan tempatan. Kalau tidak, saya rasa tidak ada galakan langsung kepada mereka untuk melabur dan me-

minta rakan kongsi asing untuk sama-sama melabur dengan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir, kerana ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap ialah tentang tumpuan ke atas R&D. Mengikut satu kajian yang dibuat oleh pihak kementerian juga, dari segi R&D untuk tahun 1992, hanya setakat US\$36 juta atau 0.09% of our country GDP. Berbanding dengan Singapura sebanyak US\$178 juta atau 0.88% GDP. Thailand sebanyak US\$104 juta atau 0.21% GDP. Indonesia, US\$289 juta atau 0.23% GDP. Kesemuanya adalah melebihi pelaburan dalam R&D. Sumbangan R&D oleh IKS adalah kecil sekali, sehingga saya rasa tak boleh nampak langsung.

Di sini, bolehkah saya tahu apakah peranan yang dimainkan oleh pihak kementerian untuk menggalakkan IKS ini melibatkan diri dalam R&D, kerana kalau kita tidak ada self sustaining R&D untuk IKS yang merupakan tunggak pembangunan ekonomi negara, saya amat khuatir kita tidak boleh mencapai Wawasan 2020, sungguhpun Amerika Syarikat menyatakan kita sudah capai. Saya rasa Wawasan 2020 hanya akan dicapai pada tahun 2020, tetapi kita pun tak mahu menentang. Saya pun tak faham Amerika Syarikat ini. Wawasan 2020 hanya pada tahun 2020 kita jadi negara maju. Tetapi sekarang Amerika Syarikat kata kita sudah jadi negara maju. Apa ini? Adakah kita terima yang kita sudah jadi negara maju. Saya rasa tidak. Kalau tidak, kita mesti memperjuangkan hak kita. Jangan serahkan, jangan abaikan tanggungjawab dan tugas untuk mempertahankan kepentingan negara yang saya rasa telah dilakukan oleh pihak

kerajaan sekarang. Saya minta kalau boleh, ini dibetulkan dan kita terus memperjuangkan hak kita.

Saya tak mahu bercakap panjang lebar lagi, tetapi hanya meminta sekali lagi bahawa pihak kerajaan memberikan tumpuan kepada IKS dalam semua bentuk bagi luar negara dengan mempertahankan hak keistimewaan GSP dan dalam negara dengan memberikan emphasis, dengan memberikan penekanan, dengan.....

**Dr. Tan Chong Keng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, nanti, saya habiskan.

**Dr. Tan Chong Keng:** Minta penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, nanti.....dengan memberikan penekanan kepada IKS supaya layanan yang sama diberikan kepada mereka yang sama-sama diberikan kepada pelabur-pelabur asing. Masalah utama yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tadi ialah masalah yang sehingga hari ini sungguhpun telah dibangkitkan berkali-kali, tidak diambil tindakan langsung oleh pihak kementerian. Umpamanya, masalah kos tanah yang melambung tinggi. Kalau kos tanah melambung tinggi, mereka mesti membelanjakan sebahagian besar daripada wang dana mereka untuk membeli tanah, macam mana mereka ada wang untuk melabur dalam R&D? Oleh sebab itu, saya rasa kita mesti menyelesaikan masalah dari segi puncanya, 'at the source', dengan izin, kalau tidak, kita hanya membuang masa Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Parit Sulong.

5.31 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini dan saya amat yakin ianya akan berjaya oleh kerana perbadanan ini diwujudkan atas contoh-contoh kejayaan di beberapa negara seperti di Taiwan, di Jepun dan juga di Korea iaitu negara-negara yang mempunyai pengalaman yang agak sama kerana kita semua adalah di kawasan Asia timur yang dijangkakan sedang menikmati era kebangkitan untuk masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali dalam membincangkan Rang Undang-undang ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian mempunyai satu takrif yang jelas mengenai apakah yang diperkatakan 'industri sederhana' dan apakah yang diperkatakan sebagai 'industri kecil'. Pada pandangan saya perkara ini perlu diperjelaskan oleh kerana orang-orang di kampung saya yang buat tempe, saya orang Johor, orang yang buat tempe pun dia kata dia berhak akan mendapat bantuan daripada perbadanan ini. Seorang pengusaha kereta yang membina semula kereta-kereta 'second hand' umpamanya, mereka juga mengatakan mereka tergolong dalam industri kecil. Saya berharap pihak kementerian akan mempunyai satu takrif yang jelas supaya niat kita, matlamat kita untuk memberi pembelaan kepada pengusaha-pengusaha, usahawan sederhana dan kecil ini benar-benar mencapai matlamat dan sasarannya. Jadi kalau boleh memang agak terlambat untuk dimasukkan dalam

jadual dan sebagainya. Tetapi saya harap perbadanan yang diwujudkan ini, satu fungsi yang pertama sekali adalah meneliti siapakah sasaran mereka. Oleh kerana, saya takut kalau kita bergerak dengan penuh keghairahan, kita tidak tahu siapa sasaran kita, maka kita tidak akan beroleh matlamat yang kita cita-citakan.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya, saya ingin bertanya sama ada di dalam meneroka masa yang akan datang ini, pihak perbadanan akan diberi satu tugas yang khusus iaitu untuk melihat bagaimanakah industri kecil dan sederhana boleh menjadi 'feeder industry' ataupun 'industri pelengkap' kepada pembangunan industri berteknologi tinggi dan paling khusus sekali adalah mengenai industri teknologi maklumat.

Semalam, dalam saya membincangkan Perbadanan Putrajaya, saya mengatakan bagaimanakah impian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melihat Putrajaya menjadi multimedia super corridor akan berjaya. Di dalam konteks itu, saya katakan kerajaan harus mewujudkan satu dasar informasi maklumat negara ataupun teknologi maklumat negara. Dalam konteks ini juga, pihak perbadanan yang akan diwujudkan mengenai industri kecil dan sederhana ini harus melihat ruang manakah boleh diketengahkan oleh usahawan-usahawan kecil dan sederhana ini untuk mengambil beberapa sektor dalam industri teknologi maklumat ini, supaya mereka boleh diketengahkan, supaya mereka menjadi golongan pendukung, penyokong 'complementing' dan juga 'supplementing', dengan izin. Perkembangan industri maklumat di masa yang akan datang.

Kita dapat melihat bagaimanakah industri teknologi maklumat di Amerika Syarikat umpamanya, di negara Jepun umpamanya, membawa 'spin of effect', bermakna kesan sampingan, kesan tumpahan kepada industri-industri yang kecil dan sederhana. Kita dapat melihat bagaimana industri kereta di Detroit, bagaimana industri kereta Jepun di Nagoya umpamanya, satu pekan, bandar yang dinamakan Nagoya City, bagaimanakah kita melihat syarikat assembly Toyota di sana itu dikelilingi oleh industri kecil dan sederhana (IKS). Jadi, perkara ini harus 'being well plan', dengan izin. Jadi kerajaan harus melihat kepada multi dimensi industri teknokogi maklumat, bukan sahaja saya katakan dari segi sektor pengeluaran hardware dan software. Kita juga harus menggalakkan bagaimana usahawan sederhana dan kecil boleh diketengahkan sebagai penulis code, sebagaimana mereka harus diketengahkan sebagai system integraters yang akan membolehkan satu komputer dengan satu komputer yang berlainan sistem untuk bercakap, yang boleh ada connect TVT umpamanya, yang boleh ada persambungan. Bermakna yang boleh membawa perkembangan industri teknologi maklumat.

Kita harus melihat bagaimana usahawan sederhana dan kecil boleh diketengahkan umpamanya dalam bidang, saya maksudkan pembekal maklumat, content providers apabila wujud aplikasi multimedia (multimedia applications) menerusi internet dan berbagai lagi super highways sama ada menerusi infrastruktur, maklumat nasional ataupun Global Information Infrastructure (GII) yang kemungkinan dunia kita ini akan disambungkan dengan masyarakat global. Jadi, apabila tiba multimedia applications, kita

banyak industri sampingan yang akan wujud dari ini. Umpamanya, kita akan memerlukan 'production house' iaitu satu syarikat pengeluaran images iaitu dalam bentuk video dan audio. Bagaimana kita harus menggabungkan para technologist dengan usahawan-usahawan kreatif, bagaimana kita harus menggabungkan orang yang pakar dalam computer science dengan orang yang pakar dalam copy writing dengan orang yang pakar daripada film making untuk membekalkan images, untuk multimedia applications, untuk kegunaan nasional dan untuk kegunaan sejagat di masa akan datang.

Perkara ini, saya harap perbadanan yang baru diwujudkan tidak akan melupai perkara ini, di samping mereka tidak akan melupai masyarakat yang mengendalikan industri-industri kampung, umpamanya menerusi sistem 'satu kampung satu industri' atau 'satu mukim satu industri' yang diwujudkan di negeri-negeri dalam negara kita ini.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh mengenai GSP. Saya amat menyokong pandangan dan pendirian negara yang amat mutakhir iaitu kita tidak peduli sama ada GSP akan ditarik balik atau akan diteruskan oleh kuasa-kuasa besar. Memang kita akan memberitahu dunia bahawa perkembangan terakhir adalah akibat pendirian kita mengenai masalah-masalah hak asasi manusia khususnya dan paling tepat sekali mengenai Bosnia-Herzegovina.

Sekiranya hari ini Amerika mengambil keputusan mahu menarik balik GSP - 'go ahead' - teruskan. Malaysia tidak akan lagi mahu menjadi satu negara yang mahu lagi memohon belas ihsan orang yang tidak mempunyai hak asasi ataupun tidak lagi mahu mengamalkan hak asasi.

Malaysia tidak harus tunduk kepada mana-mana negara yang tidak mahu lagi mengamalkan hak asasi yang dituntut oleh semua jagat. Malaysia tidak harus tunduk kepada mana-mana negara yang mengamalkan hak asasi mengikut prinsip dan ukuran mereka sendiri.

Jadi, dalam hal ini, saya rasa ada hikmahnya dari segi ura-ura Amerika mahu menarik GSP. Satunya, sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi, ini harus menjadi pendorong kepada kita sebagaimana yang dijelaskan oleh sahabat saya daripada Pulau Pinang, menjadi pendorong kepada kita, menjadi penggerak kepada kita untuk melihat sama ada kita perlu membuat penajajaran baru (realignment) dalam dasar kita, dalam pendekatan (approach) dan strategi kita untuk membangunkan industri kita supaya kita benar-benar dapat muncul sebagai sebuah negara pengeksport yang tidak lagi wujud dan maju atas belas kasihan orang lain.

Hikmah yang kedua, pada pendapat saya ini akan menjadi pendorong supaya membebaskan seluruh usahawan di tanahair, jangan kita didorong oleh psychology of frustration yang mahu diwujudkan oleh kuasa-kuasa besar. Ketiganya saya harap kita tidak akan diperangkap oleh psychology of fear, inferiority complex bagaimana kita mahu maju sekiranya GSP ditarik. Persoalan ini hanya eksklusif untuk DAP yang hari ini cuba memperjuangkan GSP.

Beberapa tahun dahulu walaupun dia melontar batu sembunyi tangan, DAP mungkin tidak secara direct terbabit dengan masalah dolak-dalik penarikan GSP oleh Amerika. Kita dapat tahu beberapa personaliti di dalam DAP yang bergerak cergas dan

aktif dalam Kesatuan Sekerja adalah dalang-dalang yang memberi maklumat palsu mengenai unionism dan Kesatuan Sekerja dalam negara sehingga kononnya Malaysia difitnahkan sebagai sebuah negara yang tidak mengamalkan hak asasi manusia oleh kerana kononnya Malaysia menindas Kesatuan Sekerja.

Jadi, kalau hari ini kita melihat anggota dari Kota Melaka begitu vokal dengan suaranya kononnya kita harus memperjuangkan DAP, itu dia punyai eksklusif flag perjuangannya semasa, oleh kerana dia tidak ada lagi masalah yang mahu diperjuangkan oleh kerana satu demi satu, mungkin dengan kuasa Allah s.w.t. ahli-ahli terkeluar dari Dewan ini. Tetapi bagi pihak Barisan Nasional, kita tidak akan menjadikan perkara ini satu iktibar sebagai satu penggerak bahawa kita akan terus membebaskan negara ini dari mana-mana kongkongan negara-negara maju yang mahu mempergunakan kuasa menindas negara-negara asing, apatah lagi setelah kejatuhan musuh utamanya menerusi perang sejuk yang telah pun berakhir baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong penuh. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana yang saya putuskan tadi, saya akan izinkan se-orang lagi berucap dan selepas itu kementerian diminta menjawab. Bukit Bendera.

5.44 ptg.

**Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dan

menyokong Rang Undang-undang Perbadanan pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (PPIKS) yang dibentangkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mengambil langkah untuk menubuhkan satu perbadanan IKS. Saya yakin bahawa ramai orang radi sektor industri khususnya industri kecil dan sederhana akan mengalu-alukan penubuhan perbadanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan oleh Setiausaha Parlimen semalam peranan IKS adalah selaras dengan pelan induk industri bagi Malaysia dan negara-negara seperti Taiwan, Jepun dan South Korea mempunyai badan-badan IKS masing-masing, jadi penubuhan IKS ini adalah sesuai semasa Malaysia memasuki ke satu era industri yang berteknologi tinggi dalam suasana perkembangan ekonomi yang pesat. Merujuk kepada fungsi-fungsi yang disenaraikan dalam Rang Undang-undang, saya ingin memberi pandangan dan cadangan saya dalam beberapa aspek.

Fungsi 12(b) adalah berkenaan dengan kajian-kajian yang berkaitan dengan pembangunan sektor industri kecil dan sederhana yang akan dijalankan. Di antara kajian-kajian yang patut dijalankan oleh PPIKS pada hemat saya ialah masalah-masalah yang dihadapi oleh IKS yang wujud sekarang dan masalah ini telah dikemukakan oleh Ahli Kawasan Wangsa Maju dan lain-lain Ahli Yang Berhormat. Saya pun berharap PPIKS ini dapat mengkaji bidang-bidang industri yang patut diterima oleh IKS sama ada industri elektronik berteknologi tinggi ataupun teknologi maklumat atau

information technology seperti yang dibangkitkan oleh Ahli dari Parit Sulong atau automobil dan sebagainya. Dalam kajian-kajian PPIKS patutlah mengenakan atau menentukan mana-mana syarikat atau kilang-kilang besar yang boleh membela usahawan-usahawan industri kecil dan sederhana. Sebagai contoh, PROTON dan PERWAJA sedang memainkan peranan sebagai bapa angkat (sugar daddy) di mana banyak IKS telah dibela dan menjadi anak angkat kepada syarikat yang besar itu.

Jadi, melalui skim ini lebih banyak IKS dapat ditubuhkan pada masa yang singkat ini, tetapi dalam bidang elektronik, PPIKS patut identify, dengan izin, lain-lain bapa angkat (sugar daddy) khasnya koperasi-koperasi besar dari Amerika Syarikat dan Jepun kerana dengan adanya syarikat yang besar ini ditahap apa yang dikatakan 'mainstream' barulah IKS dapat memainkan peranan dalam 'upstream' atau 'mainstream' atau 'downstream' activities, dengan izin. Satu bidang industri yang PPIKS patut galakkan ialah industri sistem komputer atau information technology. Jadi, saya berharap Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dapat menarik syarikat-syarikat mengeluarkan sistem kom-puter seperti Compaq, IBM, HP, Acer dan sebagainya supaya melalui mereka, dan jika mereka menempatkan kilang-kilangnya di Malaysia, dan melalui mereka IKS tempatan boleh mengambil bahagian dalam proses manufacturing downstream atau upstream.

Ini adalah satu cadangan yang berkaitan kerana saya difahami bahawa seksyen 12(c) dan (h) adalah berkaitan. Tetapi setelah membaca fungsi-fungsi perbadanan yang tercatat di dalam

Rang Undang-undang saya berpendapat, bahawa satu fungsi yang mungkin mustahak tetapi tidak disenaraikan adalah peranan PPIKS untuk membina kilang-kilang atau bangunan sama ada faktori-faktori atau kilang biasa untuk disewa kepada IKS tempatan. Ini oleh kerana usahawan IKS walaupun berupaya dan mempunyai kepakaran, tetapi biasanya kekurangan modal atau wang untuk membeli tanah dan mendirikan kilang-kilang.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Sibubangun.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Bukit Bendera. Tadi Yang Berhormat kata kurang kewangan untuk membeli tanah. Tanah di Semenanjung sudah cukup mahal tetapi tanah di Sarawak banyak dan murah. Sila datang ke Sarawak, beli tanah dan tubuh IKS di sana, setujukah Yang Berhormat?

**Tuan Chia Kwang Chye:** Kalau Yang Berhormat dari Sibubangun ada tanah yang boleh diberi percuma dan mendirikan kilang-kilang, saya yakin ramai usahawan IKS dan mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Semenanjung boleh pergi ke Sibubangun atau Sarawak mendirikan kilang-kilang IKS ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya bercadang bahawa PPIKS menubuhkan dan mendirikan apa yang dikatakan Taman Teknologi IKS atau SMI Industri Park tetapi janganlah menjadikan Technology Park ini macam rojak di mana apa jua industri pun dalam Taman Teknologi ini sebab kita

perlu merancang dengan sebaik-baiknya supaya kita dapat membahagikan bidang yang sesuai dan dimasukkan ke dalam Taman ini.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain fungsi perbadanan seperti penubuhan pangkalan data yang komprehensif dan sistem maklumat bagi program-program pembangunan IKS dan sebagai satu pusat permulaan rujukan dan penyebaran maklumat berhubung dengan IKS amatlah sesuai.

Fungsi-fungsi ini dan fungsi-fungsi lain yang menyediakan sokongan teknikal dan khidmat nasihat pengkhususan dan kerjasama agensi-agensi lain yang terlibat dalam pembangunan IKS akan membantu dan memberi panduan kepada usahawan IKS yang biasanya sesat dan menghadapi kesulitan dalam penubuhan IKS.

Jadi, saya berharap perbadanan ini dapat memainkan peranannya sebagai satu 'one stop agency' untuk mengatasi segala masalah yang akan dihadapi oleh IKS. Dengan computer networking, dengan izin, multi-agency linkage dan on-line processing kemungkinannya saya yakin bahawa 'one stop agency' ini dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini akan menguasai perbadanan melantik jawatankuasa bagi apa-apa maksud yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan apa-apa fungsi dan kuasanya. Ini sangat digalakkan. Saya ingin bercadang bahawa PPIKS menjemput wakil-wakil dari semua lapisan industri mengambil bahagian dalam jawatankuasa ini kerana melalui jawatankuasa-jawatankuasa ini kita boleh dapati dengan percuma cadangan, nasihat dan pengalaman. Pengalaman ini bukan sahaja dari 'industry leaders' tetapi juga

dari 'implementors' atau 'coordinators of industry', dengan izin seperti pengurus besar, jurutera kilang atau pengurus kilang dan kalau ada Yang Berhormat-Yang Berhormat atau wartawan yang ada pengalaman dan ingin mengambil bahagian, saya pun menggalakkan.

Jadi, saya mengesyorkan bahawa beberapa jawatankuasa mengikut sektor-sektor industri yang berdasarkan industri spesifik atau 'application specific' dapat ditubuhkan supaya kita dapat faedah-faedah dan pengalaman dari kepakaran daripada orang-orang yang terlibat dalam industri masing-masing.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini dan sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian diminta jawab.

5.54 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995.

Ramai Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai betapa pentingnya IKS kepada negara kita. Kerajaan bersetuju dengan Yang Berhormat Bandau yang melihat IKS sebagai pemandu kepada pertumbuhan ekonomi. Yang Berhormat Seremban melihat IKS sebagai 'engine of growth'. Yang Berhormat Batang Lupar melihat IKS sebagai 'nucleus of growth', tulang



belakang yang akan menyelamatkan negara kita daripada gejala atau malapetaka yang menimpa negara-negara yang kononnya telah maju sebelum kita.

Kerajaan juga bersetuju dengan Yang Berhormat dari Wangsa Maju yang menyatakan bahawa IKS menjadi penggerak kepada daya saing dalam pembangunan perindustrian. Di samping itu merupakan pendukung kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain daripada itu, Yang Berhormat dari Larut pula menyatakan bahawa IKS dapat membantu merapatkan lagi jurang pendapatan penduduk negara ini. Yang Berhormat Yan, IKS umpama akar kepada sebuah pohon.

Tuan Yang di-Pertua, ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat telah juga menyebut dari segi kelewatan penubuhan perbadanan ini. Walaupun demikian, saya meminjam pepatah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar yang menyatakan, adalah dengan izin, better late than never.

Walau bagaimanapun, saya menafikan sekeras-kerasnya bahawa kelewatan ini bermakna kerajaan tidak memberi tumpuan yang sewajarnya kepada IKS seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Yan. Sebenarnya, seperti yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban, Wangsa Maju dan Senai, kerajaan telah pun melaksanakan berbagai-bagai program dan aktiviti untuk membangunkan IKS di negara ini dan harus saya bangkitkan perkara ini kerana sekiranya kita melihat, kita mendengar daripada hujah-hujah pembangkang, ianya seolah-olah kerajaan tidak membuat apa-apa untuk kepentingan IKS selama ini.

Dari segi kewangan, kerajaan telah pun menyediakan berbagai-bagai kemudahan seperti skim-skim pinjaman mudah di bawah MIDF, Bank Pembangunan, Skim Jaminan Kredit di bawah CGC, Tabung Pelaburan Domestik, Skim Pinjaman di bawah ASEAN-Japan Development Fund, Tabung Penyelarasan Industri, Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian, Modal Teroka atau Venture Capital di bawah PUNB, PTDC dan beberapa bank perdagangan yang lain.

Berhubung dengan tahap teknologi pula, sektor IKS seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Rompin, Wangsa Maju dan Cheras, kerajaan telah menyediakan kemudahan dan sentiasa menggalakkan supaya IKS menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta menggunakan teknologi moden dan terkini untuk menjadi lebih kompetitif.

Beberapa agensi kerajaan seperti Taman Teknologi Malaysia, SIRIM, MIMOS, MARA dan institusi teknikal yang lain telah menyediakan kemudahan-kemudahan ke arah mempertingkatkan penggunaan teknologi tinggi di dalam sektor IKS. Kerajaan juga memberi bantuan dalam bentuk maxi-grant di bawah Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian atau ITAF khususnya Skim ITAF II dan ITAF III kepada IKS yang berkelayakan untuk membangun produk dan reka bentuk serta meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti mereka.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*bangun*)

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Menyentuh perkara mengenai rantaian IKS pula....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun.



**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Seorang Ahli:** Pong!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebenarnya saya hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini kerana saya ada beberapa point untuk dikemukakan.

Walau bagaimanapun, sebahagian yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi adalah betul, ada ITAF dan sebagainya. Tetapi yang Berhormat sedia maklum, walaupun ITAF dikemukakan, dipamerkan dan diiklankan kepada pihak pengusaha, hanya tak sampai 36% yang dapat digunakan untuk maksud-maksud yang dikatakan tadi. Tetapi, dengan adanya perbadanan seperti ini, apakah usaha yang akan dibuat untuk meningkatkan penggunaan skim-skim dan program-program yang disediakan. Saya ada banyak point lagi untuk dikemukakan.

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kepong. Sebenarnya Yang Berhormat tak sabar. Saya ingin menerangkan kepada Dewan yang mulia ini kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Ini tidak bermakna bahawa kemudahan-kemudahan ini tidak ada kelemahan. Itulah sebabnya kita membentangkan Rang Undang-undang pada hari ini. (*Tepuk*) Bagi saya, ini adalah satu kelebihan dan kekuatan kerajaan kerana kita tidak takut begitu telus untuk membincangkan dan membahaskan kelemahan-kelemahan supaya kita ini ikhlas untuk memastikan masalah-masalah ini dapat ditangani.

Walaupun dari segi skim-skim yang disebutkan oleh Yang Berhormat

dari Kepong pong... (*Ketawa*) mungkin tidak dimanfaatkan oleh ramai, tetapi kajian tidak dibuat sama ada masalah ini boleh diletakkan di atas bahu kerajaan semata-mata, bahagian IKS di MITI sahaja atau ditujukan kepada pemohon-pemohon sendiri.

Kita tidak tahu sama ada ramai di antara kalangan kita termasuk Ahli-ahli pembangkang tahu atau tidak wujudnya kemudahan-kemudahan ini. Maka, tujuan kita pada hari ini ialah untuk memastikan ada satu badan. Ini yang kita bahaskan di Dewan yang mulia pada hari ini. Sebagai contoh,

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia bangun lagi ni.

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Sekejap ya "pong"..... (*Ketawa*) Sebagai contoh, skim pinjaman mudah modinasi dan automasi sahaja, 60% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM50 juta telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat IKS di dalam berbagai sektor. Memang kalau kita hendak dapat maklumat-maklumat yang terperinci, kalau Yang Berhormat ingin saya ketengahkan dan terangkan pada hari ini memang tak mungkin mampu saya memberikan penjelasan kepada soalan-soalan yang Berhormat boleh tarik daripada udara.

Tetapi kita menyedari dan kita memahami bahawa memang ada kelemahan. Yang kita bahaskan sekarang ialah untuk memperbadankan pembangunan IKS ini untuk mengatasi masalah itu. Itu saya hendak terangkan pada peringkat permulaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya percaya Yang Berhormat benar-benar ikhlas dan telus untuk menyelesaikan masalah

ini dan saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat dan minta penjelasan sama ada Yang Berhormat sedar bahawa lebih satu dekad kita membangkitkan masalah ini termasuk bantahan-bantahan yang benar-benar berkuasa untuk menyelaraskan semua aktiviti untuk memajukan IKS ini. Lebih satu dekad barulah kita timbulkan dan kemukakan satu Rang Undang-undang seperti hari ini. Sangatlah lewat – satu dekad dah lewat. Tetapi kalau ada Yang Berhormat yang baru yang hendak memperbetulkan keadaan seperti ini, saya mengucapkan syabas.

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih. (*Ketawa*) Kalau inilah yang akan dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, tak perlu saya berikan ruang lagi kerana saya tengok, perkara yang sama dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Cheras, Kubang Krian dan Kota Melaka baru-baru ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Hendak bangun lagi? Kalau bukan soal yang sama, tak payahlah Yang Berhormat!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Banyak points lagi. Itu untuk meminta Yang Berhormat supaya kita sedar – rujuk kepada sejarah. Apa yang dibangkitkan oleh pihak kami di sini semua itu bernas. Ada banyak points lagi termasuk, saya hendak cadangkan....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cuma boleh soal, Yang Berhormat!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, soal? Saya hendak soal sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bukan hendak beri pandangan, Yang Berhormat!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak soal dia sama ada untuk memperuntukkan sekurang-kurangnya RM1 juta kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya menyediakan tanah-tanah untuk IKS. Satu cadangan – soalanlah!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kita sudah cadang awal lagi!

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Cadangan ke soalan pun tak tahu! Masalah lokasi dan tapak kita akan sampai kepada peringkat dan masanya Yang Berhormat.

Mengenai masalah rantaian yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, rantaian dengan industri-industri besar, kerajaan telah pun melaksanakan beberapa program seperti program pembangunan vendor, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bendera mengenai Proton tadi. Program pemasaran bersepadu atau konsep payung dan skim sub contracting, dengan izin, yang menjuruskan kepada pendekatan rangkaian perindustrian antara IKS dan industri-industri besar, masalah maklumat yang tidak sampai kepada IKS, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Seremban, kerajaan sebenarnya telah pun mengadakan Pusat Maklumat Teknologi Perindustrian atau MITIC yang ditempatkan di MITI dengan harapan bahawa ianya dapat menyediakan dan menyebarkan maklumat yang terkini kepada IKS. Di samping itu juga, MITI juga telah mengadakan beberapa seminar dan bengkel di seluruh negara bagi memberikan maklumat dan pengetahuan kepada pengusaha IKS dan tahun ini sahaja, sebanyak lima seminar

pelaburan yang telah diadakan di lima buah negeri yang telah mendapat sambutan menggalakkan yang disertai oleh seramai 500 peserta pada tiap-tiap seminar.

Masalah kualiti barangan keluaran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Krian, memang tidak boleh dinafikan bahawa kualiti adalah satu-satu isu yang begitu penting untuk kita berdaya saing dalam masa-masa hadapan ini.

Kerajaan telah menyediakan skim peningkatan kualiti dan produktiviti di bawah ITAF dan di samping itu juga, SIRIM bertanggungjawab penuh terhadap usaha untuk mempertingkatkan kualiti barangan IKS.

Mengenai masalah tapak perindustrian, yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong, kerajaan telah berusaha melaksanakan program pembangunan tapak perindustrian dengan kerjasama pihak Malaysian Industrial Estate, Sdn. Bhd., dengan izin, MIEL bagi menyediakan kemudahan tapak kilang untuk pengusaha-pengusaha IKS beroperasi di kawasan-kawasan perindustrian yang khusus serta dilengkapi dengan infrastruktur yang diperlukan.

Di samping itu juga, lain-lain agensi seperti Perbadanan Kemajuan Negeri, MARA, Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada menyediakan tapak-tapak industri di seluruh negara, termasuk di kawasan-kawasan luar bandar. Kerajaan juga memberi insentif khas bagi menggalakkan penempatan industri-industri di koridor timur, Sabah dan Sarawak untuk menyeimbangkan taburan pembangunan

Industri Kecil dan Sederhana, termasuk juga kawasan Sibul.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang jawapan seperti ini telah pun diulangkan banyak kali di dalam Dewan yang mulia ini oleh Kementerian Yang Berhormat untuk lebih satu dekad. Jawapannya serupa, kalau kita bandingkan jawapan hari ini dengan jawapan yang sebelum ini pun, semua itu serupa!

Jadi, masalah tidak diselesaikan, walaupun ada usaha. Bukan tidak ada, ada.

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Soalannya apa?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat sedia untuk menerima cadangan supaya satu peruntukan misalnya RM100 juta diadakan untuk membantu kerajaan negeri mengadakan tanah industri bagi IKS?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat sedia mempertimbangkan cara-cara untuk memberi tapak-tapak ini kepada orang-orang yang benar-benar layak, yang benar-benar hendak mengusahakan industri ini? Bukan dibeli oleh pihak yang lain dan kemudian disewa kepada pengusaha. Ini perlu dibuat kerana kita tidak boleh adakan tapak yang baru dan kemudian kerana perebutan untuk tapak itu orang-orang yang mempunyai cara-cara yang tertentu sahaja yang dapat tapak itu tetapi orang yang benar-benar memerlukan tapak tidak dapat. Itu masalah tambahan pula kos yang lebih tinggi. Saya berharap dengan kelulusan Rang Undang-undang ini Yang Berhormat boleh mempertimbangkan cara-cara yang lebih baik, lebih berkesan, lebih sesuai.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Ini siapa jawab ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana pula? Ini minta penjelasan.

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali inilah sebelum ini saya tidak tahu apa jawapan yang telah diberikan oleh kementerian. Ini pertama kali saya membuktikan keikhlasan dan iltizam kita untuk memastikan perkara ini. (*Tepuk*)

Keduanya dari segi kawasan perindustrian. Sehingga kini sebanyak 10 projek telah dilaksanakan di seluruh negara melibatkan sejumlah 754.3 ekar bagi menempatkan sejumlah 1,425 unit kilang untuk IKS. Saya bersetuju sangat bahawa tapak-tapak ini dan kawasan-kawasan ini sepatutnya ditetapkan dan khususnya untuk mereka yang benar-benar ingin memajukan business mereka dan saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat. Tetapi sama ada kita dapat membuat peruntukan ini atau peruntukan itu, kita kena tunggu selepas Rang Undang-undang ini diluluskan. Kita wujudkan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana dan kita akan fikirkan bersama. Ini bukan tanggungjawab kerajaan sahaja tetapi tanggungjawab pembangkang, perbadanan yang akan diwujudkan dan rakyat keseluruhannya. Kerana daripada peringkat permulaan ucapan saya tadi, rata-rata kita memahami dan kita menyedari dan insafi bahawa betapa pentingnya IKS pada masa depan kita bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi dari segi pembangunan kemasyarakatan kita.

Mengenai pengurusan dan ke mahiran IKS seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Wang Maju dan Cheras, kerajaan

memang ketika ini sedang menjalankan program-program latihan dan ke mahiran melalui agensi-agensi seperti Perbadanan Produktiviti Negara (NPC), MARA, Pusat pembangunan Usahawan di ITM dan Sekim Inkubator di bawah SIRIM dan Taman Teknologi Malaysia. Masalah pasaran seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin, Yang Berhormat dari Yan; program pemasaran bersepadu atau konsep payung bagi sektor makanan dan perabot dan juga Program Rantainya Perindustrian bagi menghubungkan IKS dan industri-industri besar telah pun diwujudkan. Seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin tadi, pemasaran barangan IKS di luar negara adalah dilaksanakan oleh Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) melalui ITAF, skim empatnya khusus untuk IKS.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa terdapat kelemahan-kelemahan dalam program-program yang telah saya sebutkan tadi dan menyedari hakikat ini, kerajaan telah pun mengambil inisiatif untuk membentangkan Rang Undang-undang ini dan matlamat utamanya jelas daripada jumlah agensi-agensi yang terlibat, program-program yang saya sebutkan tadi ialah untuk menyelaraskan kemudahan-kemudahan yang sedia ada supaya lebih tertumpu kepada kehendak dan tuntutan suasana kemajuan sektor perindustrian negara pada masa sekarang. Seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, matlamat kita, ialah untuk mewujudkan satu one-stop agency, dengan izin, supaya masalah-masalah red tape yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa mengenai usaha bersama untuk

mengatasi masalah simen sebagai contoh, khusus untuk IKS.

Masalah pendaftaran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Yan, kita sekarang akan wujudkan one-stop agency. Duduk dalam "kelambu" yang sama. Betulkah tidak? Untuk memastikan bahawa program-program itu dapat diselaraskan, kemudahan-kemudahan dapat diselaraskan, dapat kita tumpu perhatian kita, kita dapat focus perhatian kita, dengan izin, untuk mengatasi masalah-masalah semasa. Walau bagaimanapun, kerajaan menerima baik cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti pertamanya; keanggotaan perbadanan diwakili oleh tokoh-tokoh yang berjaya dan berdaya tanding. Selain daripada Ahli-ahli Pengarah, saya juga memahami bahawa di bawah Fasal 17(1), bahawa kita boleh wujud jawatankuasa-jawatankuasa seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera untuk menarik pakar-pakar untuk mengatasi masalah-masalah semasa.

Keduanya untuk mempertingkatkan lagi usaha kita untuk mengatasi masalah lokasi kilang-kilang IKS. Walaupun kita ada sediakan tapak-tapak, memang kita akui ada masalah dan dengan kewujudan perbadanan ini kita berharap dapat mengatasi masalah-masalah yang dibangkitkan begitu lama terdahulu. Di samping itu juga, untuk mengatasi masalah-masalah baru seperti yang dibangkitkan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar dan Gelang Patah mengenai pencemaran alam sekitar.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Kepong bangun lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tertarik kepada jawapan tadi, bahawa Yang Berhormat hendak berusaha untuk menyelesaikan masalah-masalah yang terdapat di banyak tempat termasuk di Wilayah Persekutuan, di Kepong, di Sungai Besi dan Bukit Bintang, Misalnya Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa lebih satu dekad... *(Disampuk)*...kira-kira 600 kilang.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** *(Menyampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Yan, jangan mencelah macam itu Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak boleh mencelah. Saya belum habis lagi.

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, balik-balik ke soalan yang sama, perkara yang sama. Saya rasa saya tidak akan izinkan lagilah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dulu. Sebab dia telah pun diberi laluan untuk menyoal. Teruskan tetapi cuba singkatkan dan padatkan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya singkatkan. Cuma saya minta Yang Berhormat mengambil perhatian mengenai banyak masalah yang wujud berdekad-dekad.

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Mengenai isu-isu lain yang dibangkitkan, keduanya ialah bagi mempertingkatkan lagi usaha-usaha kita; saya sudah sebut pengurusan, daya saing pengurusan yang akan ditubuhkan.

Keduanya, dari segi masalah-masalah lokasi, kita akan atasi. Masalah

kewangan kita cuba selaraskan badan-badan dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada di bawah Perbadanan yang baru ini. Latihan tenaga mahir serta pengurusan IKS itu sendiri penting untuk kita pertingkatkan. Inilah tumpuan kerajaan sekarang, menyedari hakikat bahawa masalah kekurangan tenaga khususnya tenaga mahir perlu untuk kita mengorak langkah dan memberi tumpuan dan keutamaan kepada pembangunan dan kemajuan tenaga mahir kita.

Rantainya bukan sahaja di antara industri besar dan industri kecil dan sederhana, bukan sahaja di antara industri kecil sederhana dan industri kecil sederhana yang lain tetapi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Serian tadi, rantaian yang begitu penting di antara sesama kaum kita di Malaysia.

Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Seremban bahawa program dan inisiatif ini, pendekatan ini adalah satu nationalist movement tidak ditumpukan kepada sesuatu kaum sahaja.

Dari segi masalah pemasaran, kita akan belajar daripada Yang Berhormat dari Yan dengan pengalaman dia dengan FAMA. Semua ini, percayalah akan diambil kira dalam pelaksanaan dan amanah dan tanggungjawab yang akan diletakkan di atas bahu Perbadanan kelak. Yang penting di sini ialah kesedaran bahawa IKS perlukan suntikan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Wangsa Maju. Yang kita perlukan di sini untuk meminjam istilah Yang Berhormat Batang Lupa to dream the same dream. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Seremban untuk kita bersama-sama menyahut seruan, semangat dan keyakinan baru

yang kita boleh mengatasi masalah-masalah ini demi mengangkat martabat industri kecil dan sederhana kita.

Mengenai isu-isu yang baru dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya agak kecewa beliau menggunakan kesempatan ini untuk mengeksploitasikan isu politik sebagai peluang untuk beliau di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Saya tidak perlu jawab masalah GSP itu tadi.

Dari segi isu R&D bahawa keterangan yang beliau mahukan daripada kementerian ialah memang sesungguhnya R&D diberi tumpuan. Sebagai contoh, insentif-insentif yang begitu luas sekali diberikan untuk bidang R&D ini. Potongan cukai 200% ke atas perbelanjaan R&D, pengecualian bayaran cukai ke atas sumbangan kepada institut bagi menjalankan aktiviti-aktiviti R&D, pengecualian cukai import terhadap peralatan untuk R&D, pemberian elaun bangunan yang digunakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti R&D. Tetapi kita seperti yang saya sebutkan di Dewan yang mulia ini semalam bahawa kita tidak perlu terima hakikat bahawa teknologi itu sendiri adalah satu yang tidak statik. Bahkan ia sentiasa membangun dan mengembang mengikut tempo dan suasana sesuatu keadaan. Kita perlu dan harus menyedari dan menginsafi bahawa sama ada kita dapat menerap teknologi baru ini ialah sama ada kita berupaya dan mampu sebagai satu bangsa menerokai teknologi baru ini. Sebab itulah kita membahaskan dan membentangkan Rang Undang-undang ini supaya satu inisiatif dan satu strategi yang hendak kita fokuskan kepada perkara-perkara yang diberi tumpuan seperti R&D tadi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun lagi.

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tidak payahlah Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan.

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Saya sudah berapa jam tidak merokok ini. (*Ketawa*) Sama juga dengan saranan-saranan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong mengenai betapa pentingnya kita memberi keutamaan dan tumpuan kepada bidang-bidang teknologi tinggi yang berasaskan kepada modal dan teknologi. Ini memang betul penting memandangkan kepada kekurangan-kekurangan buruh khususnya pada buruh mahir.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, percayalah bahawa niat pihak kerajaan dalam membentangkan Rang Undang-undang ini adalah ikhlas. Yang Berhormat dari Batang Lupa jangan kuatir bahawa kita ikhlas dalam membentangkan dengan penuh iltizam bagi memastikan bahawa wawasan negara menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, Itulah sahaja jawapan yang dapat diberikan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**)

**Fasal 1 hingga 34** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN PENANGGUHAN

#### Kempen Inflasi Sifar

6.30 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membincang satu isu yang amat penting kepada ekonomi negara ialah tentang kadar inflasi yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kempen inflasi sifar kerajaan akan gagal kalau kadar inflasi yang sebenarnya masih disembunyikan. Adalah tidak mungkin kadar inflasi kurang dari 4% memandangkan banyak harga barangan naik dengan tinggi kebelakangan ini, lagi pun Presiden Gerakan sendiri Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama iaitu Yang Berhormat dari Bruas sendiri menyatakan dalam suratkhbar *Nanyang Siang Pau* pada 17hb Ogos tahun ini, bahawa kadar inflasi sebenarnya melebihi 10%. Kalau seorang Menteri Kabinet boleh menyatakan kadar inflasi melebihi 10% dan bercanggah dengan kadar inflasi rasmi yang diumumkan oleh pihak Menteri Kewangan, bukankah ini menunjukkan kegagalan kerajaan untuk menjayakan kadar inflasi, lebih-lebih lagi Tuan Yang di-Pertua, bukankah kegagalan kerajaan menafikan dakwaan Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik atau Yang Berhormat dari Bruas bahawa kadar inflasi sebenarnya 10% menunjukkan bahawa kadar inflasi sebenarnya lebih daripada apa yang diumumkan.

Sehingga hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tahu siapa yang bercakap benar dan mengapakah Kementerian Kewangan tidak menyangkal kenyataan Yang Berhormat dari Bruas. Perlu diingati langkah mengawal inflasi tidak berkesan. Kalau kerajaan enggan membenarkan syarikat besar menaikkan harga seperti UEM menaikkan bayaran Tol sebanyak 60 sen. MAS menaikkan harga tambang kapal terbang, selepas itu Pos Malaysia menaikkan kadar setem dan perkhidmatannya. Juga baru-baru ini, kenaikan harga simen yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebanyak 10%. Kalau kesemua barangan-barangan ini boleh

naik lebih daripada 10%, saya tidak nampak macam mana kadar inflasi masih boleh kekal pada tahap 4%.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak kerajaan boleh jelaskan macam mana inflasi masih terkawal dengan tahap 4% kalau barangan perlu naik – saya tidak tahulah, yang paling rendah mungkin 10%, tetapi seperti minyak masak naik 10%, lebih daripada itu.....

**Tuan Chia Kwang Chye:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Bukit Bendera bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, minta apa?

**Tuan Chia Kwang Chye:** Saya hendak timbulkan satu peraturan, bolehkah saya minta penjelasan dalam Ucapan Penangguhan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, sila.

**Tuan Lim Guan Eng:** Oh! Boleh. Boleh berikan penjelasan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tetapi masa itu tetap 7 minit semua.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak apa beri chancelah. Satu minit, saya ada masa, saya beri chance.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tidak payah satu minit Yang Berhormat Kota Melaka, tetapi saya hendak tanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, sama ada Yang Berhormat sedar bahawa kadar inflasi berbeza, kalau kita menggunakan apa yang dikatakan 'basket of goods' di antara dalam satu negeri di Malaysia. Kalau dari pandangan seseorang, kalau basket of goods itu, dengan izin, tidak sama



memanglah kadar inflasi itu tidak sama. Jadi seandainya kita menukarkan basket of goods itu barulah kita ada kadar inflasi yang berbeza.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju, tetapi apa yang kita hendak ialah kadar inflasi yang tepat, yang betul, yang sah, bukannya berbeza-beza. Kalau ada kadar inflasi yang berbeza-beza apa guna kita mempunyai perangkaan? Apa guna kita menubuhkan Jabatan Perangkaan atau Kementerian Kewangan? Yang kita hendak ialah kepastian. We want definite and certainty, dengan izin, we don't want uncertainty. Kalau kita ada uncertainty macam mana peniaga boleh menjalankan ramalan mereka, boleh menjalankan unjuran mereka – tidak mungkin. Itulah sebab, saya harap pihak kerajaan supaya jangan sembunyikan kadar inflasi yang sebenar. Seperti yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat dari mana?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bukit Bendera.

**Tuan Lim Guan Eng:** Okay, Bukit Bendera – berbeza-beza. Sekarang dia sendiri mengaku berbeza-beza. Itu menunjukkan bahawa basket of goods tidak mencerminkan keperluan atau pembelian barangan-barangan oleh rakyat Malaysia. Oleh sebab itu, saya harap bahawa kerajaan boleh telus, jangan menyembunyikan keadaan sebenarnya – telus. Apakah kadar inflasi sebenarnya? Kalau lebih 10% cakup lebih 10%.

.. Apa yang saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa kadar inflasi sebenarnya bukan 4%, Yang Berhormat dari Bruas sendiri kata 10%. Adakah ini benar atau tidak? Siapa pembohong? Perangkaan

rasmi kerajaan atau Yang Berhormat dari Bruas? Itu yang kita hendak tahu. Kalau tidak macam mana kita hendak tentukan apakah kadar inflasi sebenarnya? Kalau kita tengok bukan sahaja dari segi barangan-barangan perlu, baru-baru ini simen. Sebelum ini minyak masak naik 20% – 30%. Harga suratkhbar pun naik 10%, tetapi kadar inflasi tetap kekal 4% – saya tidak tahu macam ini, ini mungkin angka ajaiblah – angka ajaib 3%, 4% dia tidak boleh gerak, harga lain-lain barang dia boleh gerak, tetapi kadar inflasi tidak boleh gerak – ini angka ajaib. So, kita tidak mahu angka ajaib. Yang tidak betul, yang tidak benar kita mahu angka yang sah, yang kita boleh mendapat kepastian.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas pengiraan kadar inflasi adalah tidak benar dan mengelirukan rakyat dan harus dikaji semula agar mencerminkan keadaan yang sebenarnya, supaya basket of goods ini, kalau perlu disemak semula. Dahulu mungkin ada alkohol, tetapi kebanyakan rakyat Malaysia tidak minum arak.....

**Tuan Chia Kwang Chye:** Penjelasan!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak ada masa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nampaknya masa tidak mengizinkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, masa....

**Tuan Chia Kwang Chye:** Penjelasan!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Hendak beri jalan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Macam mana hendak beri jalan? My quota for 7½ minutes is over.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sudah habis!

**Tuan Lim Guan Eng:** My time finished, over already.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Itu saya tahu. Sudah habis berucapkah belum?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya ikut dan akur kepada perintah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baik, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta jawab.

6.38 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Dewan yang mulia ini, kerajaan sebenarnya tidak pernah sama sekali menyembunyikan kadar inflasi yang sebenarnya berlaku.

Kadar inflasi negara secara cumulative bagi tempoh Januari hingga Julai 1995 ialah 3.5% merupakan angka yang diperolehi dari Jabatan Perangkaan negara. Hasil dari penyiasatan yang dilakukan, kadar purata inflasi yang dinyatakan itu adalah diasaskan kepada kumpulan barangan yang dikategorikan di dalam consumer basket of goods, dengan izin.

Perlu dinyatakan bahawa penentuan harga barang-barang ditentukan oleh beberapa faktor terlibat seperti kos bahan mentah, pengangkutan, tenaga buruh dan sebagainya. Dengan itu, kenaikan harga barangan kelazimannya berlaku bagi setiap negara yang mengamalkan sistem ekonomi

bebas. Sungguhpun demikian, kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah perlu bagi menentukan tidak berlakunya kenaikan harga dengan sewenang-wenangnya tanpa sebab-sebab yang munasabah dan berpatutan. Berbagai langkah telah dan sedang diambil bagi menentukan kadar harga barangan berada di paras yang berpatutan. Di antara langkah yang sedang dilaksanakan ialah mengadakan kempen anti inflasi sifar yang bertujuan untuk mendidik pengguna supaya lebih bercermat dalam perbelanjaan seharian dan mendidik peniaga-peniaga supaya beretika di dalam menjalankan urusaniaga seharian.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali kadar kenaikan melebihi 10% yang dinyatakan tidak menunjuk secara langsung kepada indeks harga pengguna tetapi menunjuk kepada harga barangan khusus. Suka saya nyatakan terdapat juga harga barangan lain yang kekal harganya seperti komputer atau hanya meningkat pada paras paling minimum seperti pakaian dan kasut.

**Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Ahli dari Kota Melaka bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedang menjawab. Tak payahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, teruskan.

**Tuan Tan Chai Ho:** Kerajaan tidak pernah mengamalkan pilih kasih dalam membenarkan syarikat ataupun peniaga menaikkan harga barangan atau perkhidmatan yang mereka

tawarkan. Kajian secara terperinci sentiasa dilakukan dan jika didapati kenaikan harga adalah wajar atau jika kenaikan yang disarankan itu setimpal dengan kenaikan mutu barangan atau perkhidmatan yang telah meningkat, maka kerajaan akan membenarkannya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa tumpuan Kempen Inflasi Sifar ialah untuk memberikan penekanan kepada menurunkan kos sara hidup pada peringkat paling asas. Tumpuan juga diberikan untuk memastikan harga barang-barang dan perkhidmatan paling asas kepada rakyat tidak terus meningkat termasuk makanan dan pengangkutan. Kenaikan harga pada barangan dan perkhidmatan peringkat mewah tidak termasuk dalam kumpulan Kempen Inflasi Sifar kerana para pemberi barangan dan perkhidmatan berkaitan adalah terdiri daripada rakyat yang mempunyai sumber kewangan yang banyak dan tidak merasai kesan inflasi yang teruk kerana mereka mampu membeli walaupun berlaku kenaikan harga yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan masalah simen, sebab-sebab kenaikan harga simen pun telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kementerian saya pada ucapan penangguhan semalam. Oleh itu saya tidak mahu mengulangi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkeyakinan dengan penglibatan semua pihak termasuk Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, usaha kerajaan untuk membanteras inflasi ke tahap inflasi sifar akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kementerian saya

akan mengambil perhatian. Sekian, terima kasih.

**Memberhentikan Pengiraan Kadar Faedah Pinjaman Kereta oleh Bank-bank dan Syarikat Kewangan**

6.43 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun pada petang ini kerana ingin mendesak bahawa pengiraan faedah untuk pinjaman kereta secara sewa beli ditukar daripada, dengan izin, flat rate kepada kadar bulanan agar menjimatkan wang para pengguna.

Pengiraan kadar faedah untuk pinjaman kereta yang sedia ada sekarang adalah semua tidak adil, tidak munasabah dan tidak berkepentingan pengguna. Sebaliknya, ia merupakan muslihat syarikat kewangan untuk memperolehi keuntungan tambahan secara rahsia. Sebagai contoh, kadar faedah flat sebanyak 10% akan dikenakan tanpa mengambil kira bayaran bulanan yang dibuat oleh peminjam. Sebaliknya, ia dikira berdasarkan pinjaman asal dengan anggapan tidak sebarang pembayaran dibuat.

Untuk pinjaman selama lima tahun sebanyak RM10,000, peminjam terpaksa membayar faedah sebanyak RM5,000 atau setengah daripada pinjaman asalnya. Ini bermakna bahawa hutang pinjaman untuk bulan terakhir sebanyak RM250 masih akan dikenakan faedah berdasarkan pinjaman asalnya RM10,000 sungguhpun hutangnya tertinggal RM250 sahaja. Oleh sebab itu, ini amat tidak adil dan merugikan para pengguna dan hanya menguntungkan syarikat kewangan. Kalau faedah nominal 10% ini dikira berdasarkan pengiraan faedah bulanan, kadar faedah sebenarnya

atau real interest rate adalah sebanyak 18.5%. Adakah para pengguna tahu bahawa sungguhpun flet rate mungkin 10%, 9% atau 6% tetapi effective interest ratenya hampir sekali ganda lebih atau hampir kenaikan sekali ganda lagi. Justeru itu, kita harus mengkaji semula amalan-amalan tidak sihat dan tidak beretika bank-bank dan syarikat kewangan memandangkan keuntungan berbilion-bilion ringgit yang diperolehi oleh institusi-institusi kewangan setiap tahun adalah cukup dan memadai, jika mereka tidak perlu menggunakan pengiraan faedah untuk mencari keuntungan tambahan secara rahsia.

Saya rasa semua orang pernah membuat pinjaman kereta dan mungkin bagi Ahli Parlimen dan kakitangan kerajaan mereka tidak menghadapi masalah seperti ini kerana kadar faedah adalah ditetapkan pada tahap 4% dan bukan pada tahap flat rate, kalau saya tidak silap. Tetapi untuk rakyat Malaysia secara amnya, apabila mereka pergi kepada syarikat kewangan mereka akan dikenakan secara flat rate, iaitu pinjaman RM10,000 pada asalnya dan tidak akan berubah setiap tahun semasa sepanjang tempoh pinjaman itu dan ini adalah sungguh tidak adil. Saya rasa masa sudah tiba untuk memberhentikan amalan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, pengiraan kadar faedah yang berbeza-beza sama ada cara tahunan, bulanan atau secara flat, inilah yang membolehkan bank-bank dan syarikat kewangan memperoleh keuntungan rahsia dan kita tidak tahu jumlah keuntungan rahsia ini. Saya harap kalau boleh mungkin pihak kementerian mengumpulkan data-data tentang keuntungan oleh syarikat kewangan dan bank-bank ekoran amalan pengiraan faedah

seperti ini yang tidak diketahui oleh pengguna dan hanya diketahui oleh bank-bank tetapi hasilnya masih sama iaitu bank-bank boleh mendapat keuntungan lebihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bangga bahawa ekor an perjuangan parti DAP dan rakan saya selama empat tahun kebelakangan ini mendesak penukaran pengiraan faedah daripada kadar tahunan kepada bulanan, kerajaan atau pihak kementerian akhirnya mengarahkan syarikat kewangan dan bank-bank menukarkan pengiraan kadar faedah mereka kepada kadar bulanan daripada kadar tahunan. Bank dan syarikat kewangan telah memperolehi keuntungan besar daripada sistem pengiraan ini seperti satu perangkaan Persatuan Bank-bank Malaysia (Association of Banks Malaysia) di mana peminjam yang mengambil pinjaman sebanyak RM100,000 untuk tempoh masa 10 tahun pada kadar faedah 9%, dia akan menikmati potongan faedah sebanyak RM3,800 sepanjang tempoh pinjaman apabila pengiraan kadar faedah ditukar daripada kadar tahunan kepada kadar bulanan. Itu satu penjimatan yang sangat besar.

Saya percaya rakyat telah menerima surat daripada bank-bank perdagangan tentang perkara ini bahawa pengiraan telah ditukar kepada bulanan. Inilah hasil perjuangan DAP selama empat tahun ini. Tetapi memandangkan bank-bank perdagangan telah meningkatkan keuntungannya daripada RM3 bilion dalam tahun 1993 kepada RM3.8 bilion dalam tahun 1994, adalah jelas keuntungan sulit ini merupakan satu bahagian besar keuntungan mereka. Sama juga dengan keuntungan syarikat kewangan yang saya rasa adalah lebih besar di

mana mereka bergantung kepada pengiraan kadar faedah secara flat rate, dengan izin, yang hanya merugikan para pengguna.

Kalau kadar tahunan boleh menguntungkan bank-bank, saya rasa kadar flat rate lagi menguntungkan syarikat kewangan. Oleh sebab itu, saya rasa sudah sampai masanya kepentingan pengguna dibela dan sistem pengiraan pinjaman kereta ditukar kepada kadar bulanan dengan meminda Akta Sewa Beli. Saya harap bahawa perkara ini boleh disegerakan kerana kepentingan semua peminjam kereta, hampir keseluruhan rakyat Malaysia terjejas oleh kerana sistem pengiraan yang hanya menguntungkan syarikat kewangan, dan harap perkara ini boleh diambil perhatian.

Perkara yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya harap pihak kerajaan akan memastikan sebarang penjimatan daripada sistem pengiraan faedah ini yang dinikmati oleh para pengguna tidak akan dikurangkan oleh kenaikan kadar pinjaman faedah bank-bank. Kerana baru-baru ini saya telah menerima rungutan daripada peminjam-peminjam bahawa kadar pinjaman asas bank-bank dan syarikat kewangan telah naik ekoran penukaran pengiraan kadar faedah daripada tahunan kepada bulanan. Untuk mendapat balik keuntungan yang mereka rugi, mereka telah menaikkan kadar pinjaman asas atau base lending rate (BLR). Oleh sebab itu, saya harap perkara ini diambil perhatian atau pihak kementerian boleh mengambil prihatin tentang amalan yang tidak sihat kini untuk memastikan para pengguna boleh mendapat penjimatan yang sebenarnya, dan bukan olok-olok atau secara indah khabar dari rupa. Sekian, terima kasih.

6.52 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Shafie bin Mohd. Salleh):** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat dari Kota Melaka sedia maklum, kerajaan sentiasa mengkaji masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan telah pun melaksanakan beberapa langkah tertentu bagi mengelakkan amalan-amalan yang tidak sihat dan tidak beretika oleh bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan.

Yang Berhormat sedia maklum bahawa aktiviti-aktiviti bank dan syarikat-syarikat kewangan adalah dikawal oleh satu akta yang dinamakan Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 yang wujudkan khusus bagi tujuan pengawalan ini supaya tidak berlaku penyelewengan dan amalan-amalan yang tidak sihat dan tidak beretika. Oleh itu, sekiranya Yang Berhormat dari Kota Melaka dapat menyebut amalan-amalan yang dikatakan itu secara spesifik, pihak kementerian dan Bank Negara Malaysia akan bertindak ke atas mana-mana bank dan syarikat-syarikat kewangan yang menjalankan amalan-amalan yang tidak sihat itu.

Berhubung dengan pengiraan kadar faedah yang dibangkitkan itu, kerajaan telah pun mengumumkan bahawa pengiraan kadar faedah berasaskan baki bulanan bagi pinjaman perumahan telah pun dilaksanakan seperti yang dimaklumkan di Dewan yang mulia ini pada sesi Soal-Jawab pada 14hb Ogos 1995. Seperti yang dimaklumkan, bagi pinjaman perumahan yang baru, pengiraan kadar faedah yang berasaskan bulanan telah dilaksanakan oleh bank-bank mulai 4hb Julai, 1995. Sementara bagi syarikat-

syarikat kewangan pula, ia berkuatkuasa mula 6hb Julai, 1995. Bagi pinjaman yang sedia ada pula, tarikh kuatkuasa pengiraan kadar faedah bermula pada 1hb Ogos, 1995. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa

Dewan ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dewan ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang Isnin.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.54 petang.*